

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PRESTASI KUTIPAN HASIL NEGERI SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
 - a) Sila kemukakan butiran terperinci jumlah kutipan hasil Negeri sehingga 30 Jun 2017 mengikut pecahan daerah.
 - b) Apakah faktor-faktor yang dikenalpasti akan menjejaskan prestasi kutipan hasil Negeri?
 - c) Apakah perkembangan terkini usaha penerokaan sektor-sektor baru bagi meningkatkan kutipan hasil Negeri ?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : ISU SUBSIDI BENIH PADI

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Apakah status terkini pelaksanaan kuota subsidi benih padi ?
 - b) Sila kemukakan jumlah kuota subsidi benih padi yang diluluskan setiap tahun dan jumlah peruntukan yang disalurkan?
 - c) Senaraikan nama syarikat dan Pengarah yang memperolehi kuota subsidi benih padi sejak 3 tahun yang lalu.

JAWAPAN:

- a) Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB) MOA telah menetapkan pengeluaran benih padi 80,000 mt setahun dengan peruntukan RM 85 juta setahun. Pemberian subsidi ini telah bermula sejak tahun 2007 dengan kadar subsidi sebanyak 50 sen per kilogram dan dinaikkan kepada RM 1.03 per kilogram pada tahun 2009. Bahagian IPB bertanggungjawab terhadap penetapan dasar, menyelaraskan dan memantau program pengeluaran benih padi sah dan mengesahkan pembayaran terhadap tuntutan pengeluaran bagi tujuan pembayaran subsidi. Jabatan Pertanian pula bertindak sebagai agensi yang mengesahkan dan memperaku kualiti benih padi sah.
- b) Sebanyak sembilan (9) syarikat telah dilantik melalui perolehan tender terbuka oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengeluarkan benih padi sah bagi tempoh 2015-2016 seperti mana berikut:
 - i. PPK Puteri Saadong
 - ii. PPK Lahar Bubu
 - iii. Pertama Padi Sdn. Bhd
 - iv. KB Jelapang Selatan (M) Sdn. Bhd.
 - v. OBL Maju Sdn. Bhd.
 - vi. Felcra Plantation Services Sdn. Bhd.
 - vii. SPPM MADA
 - viii. Haji Mohd. Nor (M) Sdn. Bhd.
 - ix. KB Seri Merbok Sdn. Bhd.

Sebanyak empat (4) pengeluar diberi kebenaran mengeluarkan MR 220 CL2 bagi tahun 2015-2016 berdasarkan keupayaan dan kemampuan membekal serta menyediakan MR 220 CL2 iaitu:

- i. KB Seri Merbok Sdn. Bhd.
- ii. PPK Lahar Bubu
- iii. Felcra Plantation Services Sdn. Bhd.
- iv. SPPM MADA

Walau bagaimanapun, jumlah kuota terkini bagi setiap syarikat ini tidak dapat diperolehi kerana tidak dipaparkan di laman sesawang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

- c) Bagi tempoh 2013-2014, syarikat-syarikat yang mendapat kuota benih padi adalah seperti berikut -

Bil	Syarikat	Kuota (mt)
1	Kelang Beras Jelapang Selatan (Muar) Sdn Bhd	3,000
2	Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Puteri Saadong	3,000
3	Padi Pukal Parit 7 (Sekincan) Sdn Bhd	1,500
4	OBL Maju Sdn Bhd	3,000
5	Kilang Beras Seri Merbok Sdn Bhd	20,000
6	Haji Md. Nor bin Haji Abd Rahman (M) Sdn Bhd	18,000
7	Paddytech Resources Sdn Bhd	2,000
8	Felcra Plantation Services Sdn Bhd	8,000
9	Pertubuhan Peladang Kawasan Lahar Bubu	8,000
10	Syarikat Perniagaan Peladang (MADA) Sdn Bhd	8,000
11	Dataran Pusaka Sdn Bhd	1,500
12	Pertama Padi Sdn Bhd	4,000

Nama pengarah-pengarah syarikat ini tidak dapat disediakan oleh pihak Jabatan Pertanian Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila nyatakan secara terperinci kedudukan kewangan terkini PKNS.
 - b) Sila senaraikan projek-projek pembangunan PKNS yang memperolehi keuntungan dan kerugian.
 - c) Sila senaraikan butiran terperinci pelaburan saham dan ekuiti yang dimiliki oleh PKNS.

JAWAPAN:

- a) Sehingga 31 Mei 2017, Akaun Pengurusan PKNS telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM85,905,804.70, meningkat sebanyak RM61,960,256.88 (257%) dari RM23,945,547.82 yang dicatatkan pada tahun 2016. Pencapaian yang tinggi ini hasil penerimaan dividen melalui pelaburan di Syarikat Bersekutu PKNS.
- b) Sila rujuk lampiran 1.
- c) Sila rujuk lampiran 2.

LAMPIRAN 1

Senarai berikut merupakan projek-projek pembangunan PKNS yang memperoleh keuntungan dan kerugian.

BIL	KAWASAN JUALAN HARTANAH	31/12/2016	31/05/2017
		UNTUNG / RUGI	UNTUNG / RUGI
		RM	RM
1	BANGI	1,853,984.18	95,912.68
2	BANDAR SULTAN SULAIMAN	450,766.60	64,160.13
3	SHAH ALAM	22,513,149.30	2,486,290.03
4	ALAM NUSANTARA	28,125,664.49	6,798,324.11
5	BERNAM JAYA	4,593,167.84	982,143.22
6	ANTARA GAPI	3,316,435.68	2,053,981.97
7	IBU PEJABAT	2,812,007.31	4,082,495.60
8	KOTA PUTRI	7,745,334.70	725,196.52
9	TAMAN SAINS SELANGOR (TSS2)	2,602,086.08	1,058,010.91
		74,012,596.18	18,346,515.17

LAMPIRAN 2

Maklumat terperinci bagi pelaburan saham dan ekuiti yang dimiliki oleh PKNS adalah seperti berikut :

A. PELABURAN EKUITI

i. Pelaburan di dalam Anak Syarikat

Bil	Nama Syarikat	RM		
		Nilai Par	2016	2017
1	PKNS Engineering & Construction Berhad	1.000	10,480,000.00	10,480,000.00
2	Worldwide Holdings Berhad	1.000	620,855,537.00	620,855,537.00
3	Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.	1.000	35,000,000.00	35,000,000.00
4	Selaman Sdn. Bhd.	1.000	12,000,000.00	12,000,000.00
5	Selgate Corportion [PKNS Holdings Sdn Bhd]	1.000	264,142.00	20,264,142.00
6	PKNS Infra Berhad [PIB]	1.000	5,420,853.00	5,420,853.00
7	De Palma Management Services Sdn. Bhd.	1.000	5,000,002.00	5,000,002.00
8	Kelana Property Development Sdn. Bhd.	1.000	1,020,000.00	1,020,000.00
9	SACC CONVEC Sdn. Bhd.	1.000	6,000,000.00	6,800,000.00
10	Datumcorp International Sdn Bhd	1.000	5,000,000.00	5,000,000.00

Bil	Nama Syarikat	RM		
		Nilai Par	2016	2017
11	Akademi PKNS Sdn Bhd	1.000	5,000,000.00	5,000,000.00
12	PKNS Real Estate Sdn Bhd	1.000	21,000,002.00	21,000,002.00
	JUMLAH BESAR		727,040,536.00	747,840,536.00

ii. **Pelaburan di dalam Syarikat Bersekutu**

Bil	Nama Syarikat	RM		
		Nilai Par	2016	2017
1	Kundang Properties Sdn. Bhd.	1.000	7,500,000	7,500,000
2	Bangi Resort & Development Corp. Sdn. Bhd	1.000	8,000,000	8,000,000
3	PKNS-LFD Sdn Bhd	1.000	490,000	490,000
4	Ligamas Sdn. Bhd.	1.000	30,000,000	30,000,000
5	Kesas Holdings Bhd.	1.000	1,500,000	1,500,000
6	Vintage Heights Sdn. Bhd.	1.000	50,579,305	50,579,305
7	Tropicana Indah Sdn. Bhd.	1.000	6,000,000	6,000,000
8	Selangor Polo & Equestrian Centre Sdn. Bhd.	1.000	800,000	800,000
9	Selangor Country Club Sdn. Bhd.	1.000	400,000	400,000
10	Sunway PKNS Sdn. Bhd.	1.000	4,100,000	4,100,000
11	Selangor Shipyard Sdn.	1.000	2,000,000	2,000,000

	Bhd.			
12	MUST Ehsan Development Sdn. Bhd.	1.000	4,500,000	4,500,000
13	Pelangi Air Sdn Bhd	1.000	21,104,755	21,104,755
	JUMLAH BESAR		136,974,060	136,974,060

B. PELABURAN TUNAI

i. Lain-lain Pelaburan

Bil	Nama Syarikat	RM	
		2016	2017
1	Masscorp Chile Sdn. Bhd. [Tajamar Office Buildings Santiago, Chile]	4,000,000	4,000,000
	Malaysian South – South Corporation Bhd. [Malaysian-Latin American Ventures Sdn. Bhd]	1,000,000	1,000,000
3	Rangkaian Hotel Sri Malaysia	387,300	387,300
		5,387,300	5,387,300

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)

4. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila kemukakan butiran terperinci kedudukan kewangan terkini PNSB.
 - b) Sila senaraikan kesemua projek pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh PNSB.
 - c) Sila senaraikan butiran terperinci kes-kes saman di mahkamah yang dihadapi oleh PNSB dan jumlah ganti rugi yang dibayar.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : MAJLIS SUKAN NEGERI (MSN)

5. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila kemukakan kedudukan kewangan terkini MSN.
 - b) Sila nyatakan berapakah peruntukan tahunan yang diperolehi oleh MSN daripada KNS dan apakah sumber pendapatan alternatif MSN?
 - c) Sila senaraikan nama ahli lembaga pengarah terkini MSN.

JAWAPAN:

- a) Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) sehingga 31 Disember 2016, mencatatkan kedudukan kewangan MSN seperti berikut :

Aset		
Aset Bukan Semasa	16,683,045.00	
Aset Semasa	9,779,750.00	
Jumlah		26,462,795.00
Liabiliti		
		24,133,012.00
Aset mengatasi liabiliti		2,329,784.00

Dari segi peruntukan kewangan yang diterima pula, sehingga 30 Jun 2017, MSN telah menerima sejumlah RM5,650,000.00 dari KNS dan MSN telah berbelanja sebanyak RM5,474,785.18 iaitu 31.80% dari jumlah peruntukan yang telah diluluskan kepada MSN untuk tahun 2017.

- b) Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) menerima peruntukan tetap dari Kerajaan Negeri Selangor setiap tahun. Jumlah peruntukan yang diperolehi bergantung kepada keperluan semasa dan juga program dan aktiviti yang dirancang. Sebagai contoh bagi tahun 2017, peruntukan yang diluluskan kepada pihak MSN Selangor adalah seperti berikut :

Belanja Mengurus	RM 5,650,000.00
Belanja Pembangunan	RM 11,570,000.00
Jumlah	RM 17,220,000.00

Selain dari peruntukan Kerajaan Negeri Selangor, MSN tidak mempunyai sumber pendapatan lain yang ketara.

- c) Berikut adalah senarai ahli Lembaga Pengarah terkini Majlis Sukan Negeri Selangor.

BIL	JAWATAN	NAMA
1.	Pengerusi	Y.B. Tuan Haji Amirudin Bin Shari Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (EXCO) Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan Dan Pembangunan Usahawan.
2.	Timbalan Pengerusi I). Setiausaha Kerajaan Negeri II). -	Y.Bhg. Dato' Mazalan bin Md Noor Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan) (wakil tetap YB Dato SUK). Y.Bhg. Dato' Mohd Yasin Bin Mohd Salleh Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan.
3.	Empat (4) orang wakil dari Persatuan Sukan Negeri	i). Puan Helen Chang Setiausaha Persatuan Renang Amatur Negeri Selangor ii). Y.Bhg. Dato' Mohd Aini Bin Taib Presiden Tenpin Boling Negeri Selangor iii). Encik Amrun Bin Misnoh Setiausaha

BIL	JAWATAN	NAMA
		Lumba Basikal Negeri Selangor iv). Tuan Haji Azahari Bin Sairin Setiausaha Persatuan Petanque Negeri Selangor (Telah Meninggal Dunia)
4.	Dua (2) orang wakil dari kalangan Pengerusi Majlis Sukan Daerah (MSD)	i). Y.Bhg. Dato' Mohd Azizi Bin Mohd Zain Dato Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya ii). Y.Bhg. Dato' Puasa bin Mohamad Taib Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang
5.	Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri atau wakilnya	Tuan Haji Mohd Salleh Bin Mohd Kassim Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
6.	Pengarah Kewangan Negeri atau wakilnya	Encik Mohd Redzuan Bin Hasan Bendahari Negeri Selangor
7.	Pengarah Belia dan Sukan Negeri atau wakilnya	Encik Mohd Nor Bin Md Said Pengarah Jabatan Belia & Sukan Negeri Selangor
8.	Tiga (3) orang lain yang boleh memberi sumbangan terhadap kemajuan sukan Negeri Selangor	i). YBhg. Dato' Azmie Bin Diron Pengarah UPEN ii). Y.Bhg. Dato' Ahmad Zaharin Bin Mohd Saad Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam iii). Kosong

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : HASIL KUTIPAN PAPAN IKLAN (*BILLBOARD*) OLEH PBT

6. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila senaraikan jumlah bilangan papan iklan (*billboard*) yang sah di setiap PBT.
 - b) Sila senaraikan jumlah kutipan hasil yang diterima oleh setiap PBT sejak 3 tahun lalu.
 - c) Sila nyatakan apakah keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan bagi menbendung kewujudan *billboard* haram ?

JAWAPAN:

- a) Jumlah bilangan papan iklan (*Billboard*) yang sah di setiap PBT adalah sebanyak 1,799 unit. Perincian bilangan mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	BILANGAN PAPAN IKLAN (BILLBOARD) YANG SAH
MBSA	345
MBPJ	354
MPK	131
MPAJ	125
MPSJ	60
MPS	232
MPKj	283
MPSp	167
MDKL	6
MDHS	91
MDKS	2
MDSB	3
JUMLAH	1,799

Nota : Sumber maklumat daripada setiap PBT.

- b) Jumlah kutipan hasil yang diterima oleh setiap PBT pada tahun 2014 adalah sebanyak **RM8,046,621.00**, tahun 2015 sebanyak **RM23,228,218.88** dan tahun 2016 sebanyak **RM23,380,130.49**. Perincian kutipan hasil mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	KUTIPAN HASIL (RM)		
	2014	2015	2016
MBSA	2,920,295.00	2,934,356.00	2,855,399.00
MBPJ	-	8,573,130.00	10,827,231.05
MPK	200,000.00	208,000.00	136,000.00
MPAJ	-	843,201.00	907,860.00
MPSJ	3,231.674.10	3,357,505.78	4,204,296.34
MPS	2,038,280.00	2,157,302.00	1,655,205.00
MPKj	2,140,000.00	2,280,000.00	2,320,00.00
MPSp	80,116.00	88,771.10	103,309.10
MDKL	20,000.00	20,000.00	35,000.00
MDHS	645,428	1,997,189	2,637,830
MDKS	-	760,000.00	10,000.00
MDSB	2,502.00	8,764.00	8,000.0
JUMLAH	8,046,621.00	23,228,218.88	23,380,130.49

Nota : Sumber maklumat daripada setiap PBT.

- c) Pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab seperti Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan konsesi lebuhraya yang berkaitan ke atas paparan iklan luaran tanpa kebenaran dan tidak mematuhi syarat kelulusan. Tindakan penguatkuasaan seperti operasi perobohan struktur papan iklan juga dilaksanakan sekiranya pihak pengiklan gagal membuat pembaharuan permit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PINTU KUNCI AIR PARIT 5 SEKINCHAN

7. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pembinaan pintu kunci air tersebut?
 - b) Berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan?
 - c) Sila nyatakan apakah keberkesanan dan fungsi pintu kunci air Parit 5 terhadap penyelesaian masalah banjir kilat di Sekinchan?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman, Kajian bagi cadangan pembinaan pintu air parit 5 Sekinchan sedang dijalankan oleh perunding yang telah dilantik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan jangkaan siap kajian adalah pada bulan September 2017.
- b) Peruntukan yang diluluskan adalah RM7.0 juta
- c) Fungsi pintu air tersebut adalah bagi meningkatkan kadar aliran air di kawasan pertanian Sekinchan dan sebahagian Pekan Sekinchan serta mengurangkan risiko banjir di kawasan tadahan tersebut. Hasil kajian daripada perunding akan dapat menjelaskan keberkesanan pintu air serta cadangan pelaksanaan setelah kajian daripada perunding selesai.

MAKLUMAT TAMBAHAN:

Kunci air parit 5 sedia ada dibina oleh IADA Barat Laut Selangor dan sehingga kini tiada penyerahan kepada JPS untuk pemantauan *gate* tersebut. Projek tersebut telah dibina sekitar tahun 1982 – 1983 oleh Agensi IADA Barat Laut Selangor. Pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) jenis *roller aluminium gate* tersebut dibina tujuan untuk mengalirkan air dari sawah dan kawasan Pekan Sekinchan ke laut. Selain itu, pintu air tersebut menggantikan pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) lama iaitu daripada jenis *screw down gate*. Punca pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) jenis Aluminium Roller Gate tidak berfungsi adalah akibat daripada timbunan pasir laut di hadapan pintu air *Tidal Control Gate* (TCG) yang terjadi akibat air laut pasang besar. Susulan itu, Pihak IADA Barat Laut telah membina sebuah pintu air TCG jenis *Screw Down Gate* di Parit 4

Sungai Burong bagi menampung pengeluaran kuantiti air dari kawasan Sekinchan termasuk pintu air TCG sedia ada iaitu Parit 6 dan Parit 5.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PROJEK TEBATAN BANJIR

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila senaraikan projek-projek tebatan banjir terkini yang sedang dilaksanakan oleh JPS.
 - b) Sila senaraikan cadangan projek-projek tebatan banjir yang masih dalam perancangan dan kajian.
 - c) Sila senaraikan 10 projek tebatan banjir yang telah berjaya mengatasi masalah banjir di kawasan berkenaan.

JAWAPAN:

- a) Projek-projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan di bawah **peruntukan Pembangunan (P13)** adalah seperti berikut:

BIL	TAJUK PROJEK	DAERAH
1	Projek Tebatan Banjir di Sungai Semenyih Kampung Batu 3, Mukim Semenyih	Hulu Langat
2	Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat/Sungai Labu	Selangor
3	Projek Tebatan Banjir Sg. Kapar Kecil	Klang
4	Projek Tebatan Banjir di Teluk Gadong	Klang
5	Projek Menaiktaraf Sistem Saliran di Pekan Meru	Klang
6	Projek Tebatan Banjir di Sg Rasau Fasa 1 & Fasa 2	Klang
7	Projek Tebatan Banjir di Sg Aur Fasa 5	Klang
8	Kerja-Kerja Mengatasi Banjir di Kg. Bukit Lanchong, Kg. Kuala Sg. Baru dan Kg. Seri Aman, Puchong	Petaling
9	Menaiktaraf Saliran Sg.Cemubung	Gombak
10	Projek Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang di Sungai Pelempas	Petaling

Projek-projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan di bawah **peruntukan Caruman Parit** adalah seperti berikut:-

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH/ BAHAGIAN
1.	Projek menaik taraf Sungai Bakau bagi mengatasi masalah banjir serta kerja-kerja bersangkutan	Gombak
2.	Kerja-kerja pembersihan dan pemulihan rizab Sungai Klang berhampiran PJS 1 hingga PJS 4 dan kerja-kerja berkaitan, Daerah Petaling Selangor Darul Ehsan	Petaling
3.	Projek menaiktaraf anak Sungai Rawang Fasa 2 dan Kolam Takungan Taman Garing bagi mengatasi banjir serta kerja-kerja berkaitan di Mukim Rawang, Daerah Gombak	Gombak
4.	Projek menaiktaraf Sungai Gong dan Kolam Takungan Banjir bagi mengatasi masalah banjir serta kerja-kerja yang bersangkutan	Gombak
5.	Kerja-Kerja menaiktaraf sistem saliran Sekolah Kebangsaan Hulu Klang, Daerah Gombak	Gombak
6.	Membekal, menghantar dan memasang pintu air <i>high density polythelene</i> (HDPE) automatik flap untuk Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	Bahagian Perkhidmatan Mekanikal, JPS Selangor
7.	Kerja-Kerja menaiktaraf sistem saliran di Taman Sentosa, Daerah Klang	Klang
8.	Kerja menaiktaraf sistem saliran serta pembinaan kolam takungan dan sistem pam di Bandar Banting (Pakej 1) Mukim Tg Duabelas, Daerah Kuala Langat, Selangor	Kuala Langat
9.	Projek menaiktaraf anak Sg. Kuang di Bandar Baru Kundang bagi Rancangan Tebatan Banjir Sg. Kuang Fasa 1, Rawang, Daerah Gombak, Selangor	Gombak
10.	Projek membina dan menyiapkan jambatan Jalan Kuala Garing serta kerja-kerja berkaitan – Pakej 1 Rancangan Tebatan Banjir Sungai Rawang Fasa 2 di Daerah Gombak, Selangor	Gombak

- b) Projek-projek tebatan banjir yang masih dalam kajian dan perancangan di bawah **peruntukan Pembangunan (P13)** adalah seperti berikut:-

BIL	TAJUK PROJEK	DAERAH
1	Projek menaiktaraf sistem saliran di kawasan Kg Johan Setia Fasa 2	Klang
2	Projek Tebatan Banjir USJ 1	Petaling
3	Projek Tebatan Banjir Sg Kayu Ara	Petaling
4	Projek Tebatan Banjir di Pandamaran	Klang
5	Projek Tebatan Banjir di Sg. Puluh	Klang
6	Projek Tebatan Banjir di kawasan Sg. Pinang	Klang
7	RTB Kg. Rantau Panjang	Kuala Selangor
8	RTB Sungai Rinching, di Kampung Rinching Hulu, Mukim Semenyih	Hulu Langat
9	RTB Sungai Chinchang, Mukim Labu	Sepang
10	RTB Sungai Jijan, Mukim Labu	Sepang
11	RTB Sungai Jenderam, Mukim Dengkil	Sepang
12	RTB Sungai Parit Tampoi, Mukim Dengkil	Sepang
13	RTB Sungai Semenyih, Kg. Sungai Buah, Mukim Dengkil	Sepang
14	Projek Tebatan Banjir di Sg Sepang Kecil Daerah Sepang	Sepang
15	Rancangan Tebatan Banjir Sg Bernam, Mukim Hulu Bernam	Hulu Selangor
16	Menaiktaraf Saliran di Sg. Batu dan kawasan sekitar, Mukim Batu	Gombak

Projek-projek tebatan banjir yang masih dalam kajian dan perancangan di bawah **peruntukan Caruman Parit** adalah seperti berikut:-

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH/ BAHAGIAN
1.	Kerja-kerja menaiktaraf anak Sungai Udang, (Fasa 2), Jalan Sungai Tua bagi mengatasi masalah banjir di Bukit Botak, Mukim Batu, Gombak.	Gombak
2.	Kerja-Kerja menaiktaraf anak Sungai Udang, di Taman Selayang Jati serta kerja-kerja berkaitan.	Gombak
3.	Kerja-Kerja menaiktaraf sistem saliran di Jalan Yadi, Kg. Telok Gadong, Klang Selangor Darul Ehsan	Klang
4.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di Kg. Jawa, Klang Selangor Darul Ehsan	Klang

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH/ BAHAGIAN
5.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran Sg. Binjai, Mukim Kapar, Daerah Klang Selangor Darul Ehsan	Klang
6.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di Lorong Ehsan dan Lorong Bakri, Jalan Kebun, Daerah Klang Selangor Darul Ehsan	Klang
7.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di Sekolah Tengku Ampuan Rahimah (STAR) Klang, Selangor Darul Ehsan	Klang
8.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran Taman Andalas, Klang, Selangor Darul Ehsan	Klang
9.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran Taman Sri Muda, Klang, Selangor Darul Ehsan	Klang
10.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di Batu 4, Jalan Kapar dan Taman Klang Utama, Daerah Klang Selangor Darul Ehsan	Klang
11.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran Taman Melawis, Klang, Selangor Darul Ehsan	Klang
12.	Projek menaiktaraf Sungai Balak mengatasi masalah hakisan serta kerja-kerja yang berkaitan, Mukim Cheras, Hulu Langat	Hulu Langat
13.	Menaiktaraf parit tanah kepada parit konkrit di Jalan Batu 40, Sabak Bernam Selangor Darul Ehsan	Sabak Bernam
14.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran dan kerja-kerja berkaitan di Kg. Sungai Dusun dan Kg. Seberang, Mukim Hulu Bernam, Selangor	Hulu Selangor
15.	Kerja-kerja menaiktaraf Sungai Kelempong di Kg. Asam Kumbang, Kuala Kubu Baru Daerah Hulu Selangor, Selangor	Hulu Selangor
16.	Kerja-kerja mengorek semula (<i>desilting</i>) Sungai Kubu dan menaiktaraf sistem saliran serta kerja-kerja berkaitan di Kg. Kelapa, Kuala Baru	Hulu Selangor
17.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di Kg. Dato' Abu Bakar Baginda, Mukim Dengkil Daerah Sepang, Selangor	Sepang

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH/ BAHAGIAN
18.	Kajian serta rekabentuk terperinci bagi sistem saliran di Kg. Sg. Merab Mukim Sepang, Daerah Sepang, Selangor	Sepang
19.	Kajian serta rekabentuk terperinci di Sungai Kelinsing, Kg. Asli Kelinsing, Mukim Dengkil, Sepang	Sepang
20.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem terusan sekunder di Taman Sekinchan 2 di Kaw. Sekinchan, Daerah Sabak Bernam	Kuala Selangor

- c) Projek-projek tebatan banjir yang telah berjaya mengatasi masalah banjir melalui **peruntukan Caruman Parit** adalah seperti berikut:-

BIL.	NAMA PROJEK	DAERAH/ BAHAGIAN	KOS PROJEK (RM)
1.	Membaikpulih dan penstabilan tebing Sungai Jeluh, di Pekan Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan	Hulu Langat	4,821,005.80
2.	Kerja-Kerja menaiktaraf Sungai Ampang di Kampung Melayu dan Taman Kosas	Hulu Langat	5,706,628.40
3.	Kerja pengorekan dan pelebaran Kolam Takungan Puncak Alam dan Puncak Bestari serta kerja berkaitan di Mukim Ijok, Daerah Kuala Selangor, Selangor	Kuala Selangor	3,378,121.95
4.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di kawasan Persiaran Hamzah Alang, Daerah Klang, Selangor (Pakej 1)	Klang	11,811,688.00
5.	Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran anak Sungai Udang (Auto City) daripada CH950-CH1325 serta kerja-kerja berkaitan di Mukim Batu, Daerah Gombak	Gombak	7,088,355.00
6.	Kerja-Kerja menaiktaraf sistem saliran dan kerja-kerja lain yang berkaitan di Bandar Rawang 2, Mukim Rawang, Daerah Gombak	Gombak	3,552,118.14

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PROGRAM JOM SHOPPING

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah jumlah peserta yang telah menyertai program tersebut sejak ianya dijalankan mengikut pecahan daerah dan kaum?
 - b) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan dan bilakah kadarnya akan dinaikkan kepada RM150.00?
 - c) Bilakah Jom Shopping Warga Emas secara bulanan akan dijalankan semula?

JAWAPAN:

- a) Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan merupakan program bantuan secara tahunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan khusus untuk golongan berpendapatan rendah di negeri Selangor. Objektif program ini adalah untuk meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan dalam membuat persiapan menyambut perayaan. Melalui pelaksanaan program bantuan ini, ianya dilihat berupaya memberi impak positif terhadap kesejahteraan rakyat dalam membantu keluarga berpendapatan rendah dan golongan kurang berkemampuan.

Bermula daripada tahun 2012 sehingga Jun 2017, sejumlah 394,954 orang telah menerima manfaat bagi program ini. Jumlah penerima manfaat mengikut daerah dan kaum pula adalah seperti di jadual berikut :-

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENERIMA MANFAAT BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2017 (ORANG)			
		KAUM MELAYU	KAUM CINA	KAUM INDIA	JUMLAH
1.	Petaling	44,256	32,807	29,645	106,708
2.	Klang	24,207	16,315	17,008	57,530
3.	Sabak	15,099	8,988	9,398	33,485
4.	Gombak	15,646	9,586	10,190	35,422
5.	Hulu Langat	31,440	20,964	19,508	71,912

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENERIMA MANFAAT BAGI TAHUN 2012 HINGGA 2017 (ORANG)			
		KAUM MELAYU	KAUM CINA	KAUM INDIA	JUMLAH
6.	Kuala Langat	11,998	7,499	8,000	27,497
7.	Kuala Selangor	11,900	7,264	8,389	27,553
8.	Selangor	6,300	3,599	4,420	14,319
9.	Hulu Selangor	9,044	5,397	6,087	20,528
JUMLAH KESELURUHAN (sehingga Jun 2017)		169,890	112,419	112,645	394,954

- b) Berdasarkan rekod, bermula daripada tahun 2012 hingga Jun 2017, jumlah perbelanjaan bagi program ini adalah sebanyak RM33,293,400.00. Pecahan jumlah perbelanjaan program dan jumlah penerima manfaat mengikut perayaan dan tahun adalah seperti jadual berikut:-

BIL.	PERAYAAN	JUMLAH PENERIMA MANFAAT	JUMLAH PERBELANJAAN
TAHUN 2012			
1.	Hari Raya Aidilfitri	56,000 orang	RM2,394,000.00
2.	Deepavali	39,200 orang	RM1,764,000.00
JUMLAH KECIL		95,200 orang	RM4,158,000.00
<i>*Nota : Bantuan bagi tahun 2012 adalah berbentuk hamper barangan keperluan</i>			
TAHUN 2013			
1.	Tahun Baru Cina	16,800 orang	RM840,000.00 <i>*Nota : Wang tunai berjumlah RM500</i>
2.	Hari Raya Aidilfitri	28,000 orang	RM2,800,000.00
3.	Deepavali	16,800 orang	RM1,680,000.00
JUMLAH KECIL		61,600 orang	RM5,320,000.00
TAHUN 2014			

BIL.	PERAYAAN	JUMLAH PENERIMA MANFAAT	JUMLAH PERBELANJAAN
1.	Tahun Baru Cina	22,400 orang	RM2,240,000.00
2.	Hari Raya Aidilfitri	25,753 orang	RM2,575,300.00
3.	Deepavali	16,951 orang	RM1,695,100.00
JUMLAH KECIL		65,104 orang	RM6,510,400.00

BIL.	PERAYAAN	JUMLAH PENERIMA MANFAAT	JUMLAH PERBELANJAAN
TAHUN 2015			
1.	Tahun Baru Cina	20,781 orang	RM2,078,100.00
2.	Hari Raya Aidilfitri	28,774 orang	RM2,877,400.00
3.	Deepavali	17,350 orang	RM1,735,000.00
JUMLAH KECIL		66,905 orang	RM6,690,500.00
TAHUN 2016			
1.	Tahun Baru Cina	26,229 orang	RM2,622,900.00
2.	Hari Raya Aidilfitri	31,363 orang	RM3,136,300.00
3.	Deepavali	22,344 orang	RM2,234,400.00
JUMLAH KECIL		79,936 orang	RM7,993,600.00
TAHUN 2017			
1.	Tahun Baru Cina	26,209 orang	RM2,620,900.00
2.	Hari Raya Aidilfitri	<i>*Program telah dilaksanakan. Laporan akhir penggunaan baucer daripada pasar raya sedang dikemaskini.</i>	
3.	Deepavali	<i>*Program belum dilaksanakan.</i>	
JUMLAH KECIL		26,209 orang	RM2,620,900.00

BIL.	PERAYAAN	JUMLAH PENERIMA MANFAAT	JUMLAH PERBELANJAAN
JUMLAH KESELURUHAN (sehingga Jun 2017)		394,954 orang	RM33,293,400.00

Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin dan komited dalam usaha membantu meringankan bebanan rakyat dalam pelbagai dimensi dengan memberi manfaat kepada semua rakyat tanpa mengira etnik. Dalam memastikan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah sentiasa mendapat manfaat serta terus menikmati kemakmuran dan kesejahteraan, Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang syor atau cadangan penambahbaikan program.

Justeru itu, Kerajaan Negeri mengambil perhatian akan syor/ cadangan berhubung cadangan menaikkan nilai baucer daripada RM100.00 kepada RM150.00 bagi program ini. Sebagai makluman, jumlah perbelanjaan bagi Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali bagi tahun 2016 dengan nilai RM100.00 per baucer melibatkan jumlah perbelanjaan yang tinggi iaitu sebanyak RM7,993,600.00. Oleh yang demikian, cadangan untuk menaikkan nilai setiap baucer daripada RM100.00 kepada RM150.00 ini dijangka akan melibatkan implikasi kos yang lebih tinggi dan ianya dilihat perlu diteliti semula secara terperinci bagi melihat jangkaan impak/ kesan pelaksanaannya.

- c) Program *Jom Shopping* yang dilaksanakan oleh Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. merupakan program bantuan khusus untuk golongan warga emas di bawah Skim Mesra Usia Emas (SMUE). Namun begitu, berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 35/2016 bertarikh 19 Oktober 2016, pelaksanaan program ini telah ditangguhkan.

Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang cadangan atau syor bagi melaksanakan program bantuan untuk meringankan bebanan golongan warga emas. Namun begitu, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa Program *Jom Shopping* untuk warga emas ini perlu dikaji kesesuaiannya serta impaknya perlu dilihat dari pelbagai aspek terlebih dahulu bagi memastikan objektif/ matlamat utama pelaksanaan program bantuan dapat dicapai. Ini adalah kerana, kini terdapat pelbagai program bantuan sedia ada yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri yang turut melibatkan warga emas sebagai golongan sasaran. Sebagai contoh, Program Pemberian Bantuan Secara Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan dan Program Bantuan Makanan Asas (*Food Stamp*) merupakan program bantuan yang bersifat menyeluruh kepada

semua golongan kurang berkemampuan di Negeri Selangor termasuk warga emas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : BANTUAN KEWANGAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan jumlah bantuan kewangan Pendidikan kepada SJKC mengikut pecahan sekolah sejak 2014.
- b) Sila senaraikan jumlah bantuan kewangan pendidikan kepada SJKT mengikut pecahan sekolah sejak 2014.
- c) Sila senaraikan butiran terperinci permohonan sekolah SJKC dan SJKT yang ditolak sejak 2014.

JAWAPAN:

- a) Bantuan kewangan Pendidikan yang kepada SJKC mengikut pecahan sekolah sejak 2014 seperti di Lampiran A.
- b) Bantuan kewangan Pendidikan yang kepada SJKT mengikut pecahan sekolah sejak 2014 seperti di Lampiran B.
- c) Senarai permohonan sekolah SJKC dan SJKT yang ditolak sejak 2014 adalah seperti berikut:

SJKC		SJKT	
TAHUN	PERMOHONAN DITOLAK	TAHUN	PERMOHONAN DITOLAK
2014	64	2014	TIADA
2015	15	2015	TIADA
2016	39	2016	10
2017	1	2017	11
JUMLAH	119	JUMLAH	21

LAMPIRAN A

Tahun 2014

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	SJKC SERENDAH	RM50,000.00
2	SJKC KG GURNEY	RM20,000.00
3	SJKC KERLING	RM10,000.00
4	SJKC KALUMPANG	RM50,000.00
5	SJKC CHOONG CHEE	RM20,000.00
6	SJKC BATANG KALI	RM20,000.00
7	SJKC BUKIT FRASER	RM2,000.00
8	SJKC KHING MING	RM20,000.00
9	SJKC HAI PING	RM20,000.00
10	SJKC SG WAY	RM10,000.00
11	SJKC SOO JIN	RM50,000.00
12	SJKC TCHE MIN	RM40,000.00
13	SJKC WAH LIAN	RM50,000.00
14	SJKC LUM HUA	RM30,000.00
15	SJKC SIN MIN	RM20,000.00
16	SJKC KHEOW BIN	RM20,000.00
17	SRJKC TANJUNG SEPAT	RM20,000.00
18	SJKC KIAN SIT	RM50,000.00
19	SJKC YOKE KUAN	RM50,000.00
20	SJKC TIONG HUA KOK BIN	RM20,000.00
21	SJKC YING WAH	RM50,000.00
22	SJKC BALAKONG	RM30,000.00
23	SJKC BATU SEMBILAN CHERAS	RM20,000.00
24	SJKC JENJAROM	RM30,000.00
25	SJKC WU TECK	RM30,000.00
26	SJKC DENGKIL	RM20,000.00
27	SJKC KUNG MAN	RM30,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
28	SJKC POAY CHNEH	RM15,000.00
29	SJKC PHOOI TEE	RM15,000.00
30	SJKC PUI YING	RM20,000.00
31	SJKC KHAI TEE	RM20,000.00
32	SJKC MING TEE	RM20,000.00
33	SJKC HWA LIEN	RM50,000.00
34	SJKC SG BULOH	RM20,000.00
35	SJKC KENG CHEE	RM50,000.00
36	SJKC MOON TECK	RM15,000.00
37	SJKC CHEONG HUA	RM20,000.00
38	SJKC DESA JAYA 2	RM30,000.00
39	SJKC DESA JAYA	RM30,000.00
40	SJKC SEPANG	RM30,000.00
41	SJKC CHIO CHIAO	RM40,000.00
42	SJKC PIN HWA 1	RM30,000.00
43	SJKC RASA	RM50,000.00
44	SJKC PANDAMARAN A	RM50,000.00
45	SJKC TSHING NIAN	RM30,000.00
46	SJKC PANDAMARAN B	RM50,000.00
47	SJKC SERDANG BARU	RM20,000.00
48	SJKC HAN MING	RM100,000.00
49	SJKC PUAY CHAI	RM10,000.00
50	SJKC SIN MING	RM50,000.00
51	SJKC KHENG CHEE	RM50,000.00
52	SJKC YAK CHEE	RM50,000.00
53	SJKC LADANG HARCROFT	RM10,000.00
54	SJKC YUK CHYUN	RM30,000.00
55	SJKC CHUEN MIN	RM50,000.00
56	SJKC CHUNG WAH	RM10,000.00
57	SJKC PUI TEH	RM30,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
58	SJKC BUKIT TANGGA	RM10,000.00
59	SJKC KHE BENG	RM30,000.00
60	SJKC SUBANG	RM30,000.00
61	SJKC KONG HOE	RM50,000.00
62	SJKC ON PONG	RM50,000.00
63	SJKC LIAT CHOON(C)	RM10,000.00
64	SJKC LIAT CHOON PUSAT	RM10,000.00
65	SJKC CHUNG HUA	RM30,000.00
66	SJKC TUN TAN SIEW SIN	RM30,000.00
67	SJKC PHOOI MIN	RM20,000.00
68	SJKC CHOONG HUA	RM10,000.00
69	SJKC SIMPANG MORIB	RM20,000.00
70	SJKC TIONG NAM	RM20,000.00
71	SJKC HIN HUA	RM20,000.00
72	SJKC SERDANG BARU 2	RM30,000.00
73	SJKC KOTA EMERALD	RM20,000.00
74	SJKC SAN YUK	RM50,000.00
75	SJKC KUNDANG	RM20,000.00
76	SJKC YUK CHIH	RM30,000.00
77	SJKC IJOK	RM20,000.00
78	SJKC CHAP KHUAN	RM10,000.00
79	SJKC KAH WAH	RM50,000.00
80	SJKC TAMAN RASHNA	RM20,000.00
81	SJKC AIK THEE	RM20,000.00
82	SJKC PUAY CHAI 2	RM40,000.00
83	SJKC CHOON HWA	RM30,000.00
84	SJKC YU HUA	RM40,000.00
85	SJKC SIN MING SEMENYIH	RM10,000.00
86	SJKC TON FAH	RM10,000.00
87	SJKC SG CHUA	RM30,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
88	SJKC ON PONG 2	RM30,000.00
89	SJKC BATU 14 HULU LANGAT	RM30,000.00
90	SJKC KG BARU SEMENYIH	RM10,000.00
91	SJKC BAGAN PASIR	RM20,000.00
92	SJKC TANJONG KARANG	RM20,000.00
93	SJKC YIT KHWAN	RM20,000.00
94	SJKC YOKE MIN	RM30,000.00
95	SJKC PENG MING	RM40,000.00
96	SJKC SELAYANG BARU	RM20,000.00
97	SJKC KUANG	RM30,000.00
98	SJKC LEE MIN	RM60,000.00
99	SJKC TIONG HUA KOK BIN	RM 8,000.00
100	SJKC HIN HUA	RM 8,000.00
101	SJKC CHEN MOH	RM10,000.00
102	SJKC PIN HWA 2 KLANG	RM10,000.00
103	SJKC SIN BIN	RM 15,000.00
104	SJKC YUK CHAI	RM 5,000.00
105	SJKC YIT KHWAN	RM8,000.00
106	SJKC BAGAN PASIR	RM8,000.00
107	SJKC PUAY CHAI 2	RM10,000.00
108	SJKC CHEE WEN	RM10,000.00
109	SJKC SUNGAI WAY	RM10,000.00
110	SJKC CONNAUGHT 2	RM10,000.00
111	SJKC BATU SEBELAS CHERAS	RM10,000.00
112	SJKC PEREMPUAN KLANG	RM10,000.00
113	SJKC DAMANSARA	RM 15,000.00
114	SJKC CHAP KHUAN	RM8,000.00
115	SJKC CHUNG HWA DAMANSARA	RM8,000.00
116	SJKC KG BARU AMPANG	RM10,000.00
JUMLAH KEELURUHAN		RM3,030,000.00

TAHUN 2015

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	SJKC PIN HWA 2 KLANG	RM 60,000.00
2	SJKC YING WAH	RM 30,000.00
3	SJKC PANDAMARAN B	RM 50,000.00
4	SJKC PANDAMARAN A	RM 30,000.00
5	SJKC CHUEN MIN	RM20,000.00
6	SJKC TIONG HUA KOK BIN	RM 20,000.00
7	SJKC SOO JIN	RM 30,000.00
8	SJKC SIN BIN	RM 30,000.00
9	SJKC PUI YING	RM 50,000.00
10	SJKC PEREMPUAN KLANG	RM 50,000.00
11	SMJK CHUNG HWA KLANG	RM40,000.00
12	SJKC ON PONG	RM50,000.00
13	SJKC ON PONG 2	RM40,000.00
14	SJKC SIN MING SEMENYIH	RM10,000.00
15	SJKC CHOON HWA	RM30,000.00
16	SJKC YOKE MIN	RM 20,000.00
17	SJKC KALUMPANG	RM 10,000.00
18	SJKC RASA	RM 40,000.00
19	SJKC KAMPUNG GURNEY	RM 30,000.00
20	SJKC BATANG KALI	RM 5,000.00
21	SJKC CHOONG CHEE	RM 20,000.00
22	SJKC SERENDAH	RM 10,000.00
23	SJKC KERLING	RM 5,000.00
24	SJKC KHING MING	RM 10,000.00
25	SJKC SIMPANG MORIB	RM 30,000.00
26	SJKC DAMANSARA	RM 10,000.00
27	SJKC KHE BENG	RM40,000.00
28	SJKC YUK CHAI	RM 8,000.00
29	SJKC PUAY CHAI	RM 8,000.00
30	SJKC CHUNG HWA DAMANSARA	RM 30,000.00
31	SJKC KONG HOE	RM30,000.00
32	SJKC DESA JAYA 2	RM 25,000.00
33	SJKC DESA JAYA	RM 30,000.00
34	SJKC PUAY CHAI 2	RM 40,000.00
35	SJKC TAMAN RASHNA	RM 20,000.00
36	SJKC SERDANG BARU 2	RM 30,000.00
37	SJKC YUK CHYUN	RM30,000.00
38	SJKC CHEN MOH	RM 60,000.00
39	SJKC CHEE WEN	RM 50,000.00
40	SJKC LADANG HARCROFT	RM20,000.00
41	SJKC HAN MING	RM 50,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
42	SJKC PHOOI TEE	RM 5,000.00
43	SJKC POAY CHNEH	RM 5,000.00
44	SJKC CHEONG HUA	RM 5,000.00
45	SJKC PHOOI MIN	RM5,000.00
46	SJKC YOKE KUAN	RM 20,000.00
47	SJKC KIAN SIT	RM60,000.00
48	SJKC MOON TECK	RM 15,000.00
49	SJKC HAI PING	RM 30,000.00
50	SJKC LUM HUA	RM 20,000.00
51	SJKC TANJUNG SEPAT	RM 30,000.00
52	SJKC DENGKIL	RM 20,000.00
53	SJKC SIN MING	RM 70,000.00
54	SJKC CHIO CHIAO	RM 40,000.00
55	SJKC SEPANG	RM 50,000.00
56	SJKC TCHE MIN	RM 50,000.00
57	SJKC WAH LIAN	RM 60,000.00
58	SJKC KUNDANG	RM 20,000.00
59	SJKC KHEOW BIN	RM 30,000.00
60	SJKC KHAI TEE	RM 30,000.00
61	SJKC MING TEE	RM 10,000.00
62	SJKC LIAT CHOON (CAWANGAN)	RM10,000.00
63	SJKC CHUNG WAH SASARAN (JERAM)	RM30,000.00
64	SJKC YIT KHWAN	RM 10,000.00
65	SJKC CHEONG HUA	RM23,515.00
66	SJKC PHOOI TEE	RM10,000.00
67	SJKC PHOOI MIN	RM23,515.00
68	SJKC LUM HUA	RM23,515.00
69	SJKC SIN MIN	RM23,515.00
70	SJK (C) BATANG KALI	RM5,000.00
71	SJKC KG GURNEY	RM23,515.00
72	SJKC KERLING	RM23,515.00
73	SJKC RASA	RM23,515.00
74	SJK (C) KHING MING	RM5,000.00
75	SJKC CHOONG CHEE	RM5,000.00
76	SJKC BUKIT TANGGA	RM23,515.00
77	SJK (C) SERENDAH	RM23,515.00
78	SJKC YIT KHWAN	RM23,515.00
79	SJKC TANJONG KARANG	RM23,515.00
80	SJKC BAGAN PASIR	RM5,000.00
81	SJKC TANJONG KARANG CAWANGAN BAGAN TENGGORAK	RM10,000.00
82	SJK (C) PUI CHI ASSAM JAWA	RM23,515.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
83	SJKC AIK THEE	RM50,000.00
84	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA YUK CHIH	RM30,000.00
85	SJKC IJOK	RM20,000.00
86	SJKC CHUNG WAH	RM23,515.00
87	SJKC PUI TEH	RM30,000.00
88	SJKC LIAT CHOON (PUSAT)	RM40,000.00
89	SJKC CHAP KUAN	RM23,515.00
90	SJKC KUANG	RM24,238.00
91	SJKC KUNDANG	RM23,515.00
92	SJK (C) SAN YUK	RM30,000.00
93	SJKC KOTA EMERALD	RM10,000.00
94	SJK (C) SELAYANG BARU	RM23,515.00
95	SJK (C) KHEOW BIN	RM20,000.00
96	SJKC ONG PONG	RM23,515.00
97	SJKC KAMPUNG BARU AMPANG	RM23,515.00
98	SJKC ON PONG 2	RM23,515.00
99	SJKC CHOON HWA	RM23,515.00
100	SJK (C) BATU SEMBILAN CHERAS	RM23,515.00
101	SJKC BATU 14 HULU LANGAT	RM23,515.00
102	SJKC SIN MING	RM23,515.00
103	SJKC KAMPUNG BARU SEMENYIH	RM20,000.00
104	SJK (C) SUNGAI CHUA	RM20,000.00
105	SJKC YU HUA	RM23,515.00
106	SJKC YOKE MIN	RM23,515.00
107	SJKC BALAKONG	RM23,515.00
108	SJK (C) CONNAUGHT 2	RM23,515.00
109	SJKC BATU SEBELAS CHERAS	RM24,238.00
110	SJK (C) SERDANG BARU 1	RM23,515.00
111	SJKC KUNG MAN	RM23,515.00
112	SJKC SERDANG BARU 2	RM23,515.00
113	SJKC BUKIT SERDANG	RM23,515.00
114	SJKC KHENG CHEE PUCHONG	RM23,515.00
115	SJKC LADANG HARCROFT	RM23,515.00
116	SJKC YAK CHEE	RM23,515.00
117	SJKC CHEE WEN	RM23,515.00
118	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA LICK HUNG	RM20,000.00
119	SJK (C) CHEN MOH	RM23,515.00
120	SJKC YUK CHYUN	RM20,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
121	SJK (C) SUNGAI WAY	RM23,515.00
122	SJKC YUK CHAI	RM23,515.00
123	SJK (C) PUAY CHAI	RM23,515.00
124	SJKC CHUNG HWA DAMANSARA	RM23,515.00
125	SJKC DESA JAYA	RM50,000.00
126	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAMANSARA	RM50,000.00
127	SJKC PUAY CHAI 2	RM23,515.00
128	SJKC DESA JAYA 2	RM23,515.00
129	SJK (C) SUNGAI BULOH	RM23,515.00
130	SJKC SUBANG	RM23,515.00
131	SJKC PIN HWA 1	RM23,515.00
132	SJK (C) TAMAN RASHNA	RM23,515.00
133	SJKC KONG HOE	RM23,515.00
134	SJK (C) PIN HWA 2 KLANG	RM23,515.00
135	SJKC TIONG HUA KOK BIN	RM10,000.00
136	SJK (C) PUI YING	RM23,515.00
137	SJK (C) HWA LIEN	RM23,515.00
138	SJK (C) KENG CHEE	RM10,000.00
139	SJKC CHUEN MIN	RM23,515.00
140	SJK (C) TSHING NIAN	RM30,000.00
141	SJKC SIN BIN	RM10,000.00
142	SJKC WU TECK	RM23,515.00
143	SJKC LEE MIN	RM23,515.00
144	SJKC PANDAMARAN A	RM23,515.00
145	SJKC PANDAMARAN B	RM20,000.00
146	SJKC PEREMPUAN KLANG	RM23,515.00
147	SJKC KHE BENG	RM23,515.00
148	SJKC CHUNG HUA KLANG	RM20,000.00
149	SJKC TUN TAN SIEW SIN	RM10,000.00
150	SJK (C) PENG MING	RM23,515.00
151	SJK (C) KAH WAH	RM20,000.00
152	SJK (C) JENJAROM	RM10,000.00
153	SJK (C) SIMPANG MORIB	RM23,515.00
154	SJK (C) TIONG NAM	RM23,515.00
155	SJKC CHOONG HUA	RM23,515.00
156	SJK (C) TANJUNG SEPAT	RM23,515.00
157	SJK (C) DENGKIL	RM23,515.00
158	SJK (C) SIN MING	RM23,515.00
159	SJKC WAH LIAN	RM23,515.00
160	SJK (C) TCHE MIN SUNGAI PELEK	RM23,515.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
161	SJK (C) CHIO CHIAO	RM23,515.00
162	SJKC SEPANG	RM23,515.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM4,039,981.00

TAHUN 2016

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	SJKC CHUNG HUA	RM10,000.00
2	SJKC PHOOI MIN	RM5,000.00
3	SJKC PHOOI TEE	RM5,000.00
4	SJKC CHEONG HUA	RM5,000.00
5	SJKC POAY CHNEH	RM5,000.00
6	SJKC LUM HUA	RM5,000.00
7	SJKC YOKE KUAN	RM30,000.00
8	SJKC KIAN SIT	RM50,000.00
9	SJKC KALUMPANG	RM30,000.00
10	SJKC KERLING	RM10,000.00
11	SJKC RASA	RM30,000.00
12	SJKC BATANG KALI	RM10,000.00
13	SJKC KHING MING	RM10,000.00
14	SJKC CHOONG CHEE	RM20,000.00
15	SJKC KAMPUNG GURNEY	RM30,000.00
16	SJKC HAI PING	RM20,000.00
17	SJKC KHAI TEE	RM30,000.00
18	SJKC PIN HWA 1	RM20,000.00
19	SJKC AIK THEE	RM10,000.00
20	SJKC PUI CHI	RM10,000.00
21	SJKC IJOK	RM20,000.00
22	SJKC YUK CHIH	RM20,000.00
23	SJKC CHUNG WAH	RM15,000.00
24	SJKC LIAT CHOON (PUSAT)	RM10,000.00
25	SJKC LIAT CHOON (CAWANGAN)	RM30,000.00
26	SJKC PUI TEH	RM10,000.00
27	SJKC KUNDANG	RM20,000.00
28	SJKC KUANG	RM30,000.00
29	SJKC CHAP KHUAN	RM30,000.00
30	SJKC KOTA EMERALD	RM30,000.00
31	SJKC SAN YUK	RM100,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
32	SJKC SELAYANG BARU	RM10,000.00
33	SJKC KHEOW BIN	RM10,000.00
34	SJKC ON PONG 2	RM20,000.00
35	SJKC TON FAH	RM20,000.00
36	SJKC KAMPUNG BARU SEMENYIH	RM10,000.00
37	SJKC SUNGAI CHUA	RM50,000.00
38	SJKC YOKE MIN	RM20,000.00
39	SJKC KG BARU AMPANG	RM20,000.00
40	SJKC BALAKONG	RM30,000.00
41	SJKC CONNAUGHT 2	RM30,000.00
42	SJKC SERDANG BARU 1	RM30,000.00
43	SJKC BUKIT SERDANG	RM100,000.00
44	SJKC SERDANG BARU 2	RM100,000.00
45	SJKC KHENG CHEE	RM200,000.00
46	SJKC YAK CHEE	RM20,000.00
47	SJKC CHEE WEN	RM30,000.00
48	SJKC LICK HUNG	RM50,000.00
49	SJKC YUK CHYUN	RM10,000.00
50	SJKC CHEN MOH	RM20,000.00
51	SJKC SUNGAI WAY	RM50,000.00
52	SJKC PUAY CHAI	RM15,000.00
53	SJKC CHUNG HWA DAMANSARA	RM30,000.00
54	SJKC YUK CHAI	RM30,000.00
55	SJKC DAMANSARA	RM20,000.00
56	SJKC DESA JAYA	RM50,000.00
57	SJKC SG BULOH	RM30,000.00
58	SJKC KONG HOE	RM15,000.00
59	SJKC TAMAN RASHNA	RM20,000.00
60	SJKC YING WAH	RM20,000.00
61	SJKC PUI YING	RM20,000.00
62	SJKC SOO JIN	RM20,000.00
63	SJKC HWA LIEN	RM50,000.00
64	SJKC LEE MIN	RM50,000.00
65	SJKC TSHING NIAN	RM20,000.00
66	SJKC WU TECK	RM50,000.00
67	SJKC PANDAMARAN A	RM20,000.00
68	SJKC PANDAMARAN B	RM30,000.00
69	SJKC PEREMPUAN KLANG	RM40,000.00
70	SJKC CHUNG HWA KLANG	RM50,000.00
71	SJKC KHE BENG	RM100,000.00
72	SJKC TUN TAN SIEW SIN	RM40,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
73	SJKC SIN MING	RM10,000.00
74	SJKC SIN BIN	RM15,000.00
75	SJKC TIONG HUA KOK BIN	RM15,000.00
76	SJKC PIN HWA 2 KLANG	RM15,000.00
77	SJKC HIN HUA	RM30,000.00
78	SJKC CHUEN MIN	RM15,000.00
79	SJKC PENG MING	RM25,000.00
80	SJKC KAH WAH	RM25,000.00
81	SJKC JENJAROM	RM25,000.00
82	SJKC CHOONG HUA	RM30,000.00
83	SJKC TIONG NAM	RM15,000.00
84	SJKC SIMPANG MORIB	RM25,000.00
85	SJKC TANJUNG SEPAT	RM15,000.00
86	SJKC DENGKIL	RM15,000.00
87	SJKC WAH LIAN	RM15,000.00
88	SJKC SEPANG	RM15,000.00
89	SJKC THCE MIN	RM25,000.00
90	SJKC CHIO CHIAO	RM15,000.00
91	SJKC KALUMPANG	RM10,000.00
92	SJKC BUKIT TANGGA	RM60,000.00
93	SJKC KAMPUNG GURNEY	RM10,000.00
94	SJKC SERENDAH	RM10,000.00
95	SJKC BAGAN PASIR	RM20,000.00
96	SJKC CHAP KHUAN	RM35,000.00
97	SJKC KOTA EMERALD	RM30,000.00
98	SJKC SELAYANG BARU	RM20,000.00
99	SJKC KHEOW BIN	RM30,000.00
100	SJKC ON PONG 2	RM60,000.00
101	SJKC SIN MING SEMENYIH	RM30,000.00
102	SJKC KAMPUNG BARU SEMENYIH	RM50,000.00
103	SJKC BANDAR SG LONG	RM30,000.00
104	SJKC SUNGAI CHUA	RM30,000.00
105	SJKC YU HUA	RM50,000.00
106	SJKC KUNG MAN	RM50,000.00
107	SJKC KHEOW CHEE	RM50,000.00
108	SJKC LADANG HARCROFT	RM30,000.00
109	SJKC YAK CHEE	RM30,000.00
110	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CHINA LICK HUNG	RM20,000.00
111	SJKC TUN TAN CHENG LOCK	RM30,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
112	SJKC CHEE WEN	RM30,000.00
113	SJKC YUK CHYUN	RM30,000.00
114	SJKC SUNGAI WAY	RM40,000.00
115	SJKC YUK CHAI	RM20,000.00
116	SJKC DESA JAYA	RM20,000.00
117	SJKC DAMANSARA	RM20,000.00
118	SJKC DESA JAYA 2	RM40,000.00
119	SJKC PUAY CHAI 2	RM10,000.00
120	SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CHINA SG,BULOH	RM10,000.00
121	SJKC SUBANG	RM20,000.00
122	SJKC KONG HOE	RM10,000.00
123	SJKC TAMAN RASHNA	RM5,000.00
124	SJKC TIONG HUA KOK BIN	RM30,000.00
125	SJKC PIN HWA 2 KLANG	RM30,000.00
126	SJKC KENG CHEE	RM30,000.00
127	SJKC SIN BIN	RM35,000.00
128	SJKC WU TECK	RM20,000.00
129	SJKC HIN HUA	RM20,000.00
130	SJKC PANDAMARAN B	RM30,000.00
131	SJKC TSHING NIAN	RM20,000.00
132	SJKC PANDAMARAN A	RM5,000.00
133	SJKC CHUEN MIN	RM50,000.00
134	SJKC PEREMPUAN KLANG	RM20,000.00
135	SJKC KAH WAH	RM25,000.00
136	SJKC JENJAROM	RM20,000.00
137	SJKC CHOONG HUA	RM20,000.00
138	SJKC TANJONG SEPAT	RM15,000.00
139	SJKC TCHE MIN	RM10,000.00
140	SJKC SEPANG	RM10,000.00
141	SJKC WAH LIAN	RM10,000.00
142	SJKC MOON TECK	RM5,000.00
143	SJKC BATANG KALI	RM10,000.00
144	SJKC CHOONG CHEE	RM5,000.00
145	SJKC KHING MING	RM10,000.00
146	SJKC RASA	RM20,000.00
147	SJKC CHOON HWA	RM15,000.00
148	SJKC CONNAUGHT 2	RM10,000.00
149	SJKC BATU SEBELAS CHERAS	RM20,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM3,990,000.00

TAHUN 2017

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	SJKC CHEONG HUA	RM20,000.00
2	SJKC PHOOI MIN	RM20,000.00
3	SJKC POAY CHNEH	RM20,000.00
4	SJKC PHOOI TEE	RM20,000.00
5	SJKC LUM HUA	RM20,000.00
6	SJKC HAI PING	RM25,000.00
7	SJKC SIN MIN	RM40,000.00
8	SJKC KIAN SIT	RM50,000.00
9	SJKC YOKE KUAN	RM50,000.00
10	SJKC KALUMPANG	RM45,000.00
11	SJKC KERLING	RM50,000.00
12	SJKC BATANG KALI	RM20,000.00
13	SJKC KHING MING	RM20,000.00
14	SJKC CHOONG CHEE	RM30,000.00
15	SJKC RASA	RM50,000.00
16	SJKC KAMPUNG GURNEY	RM40,000.00
17	SJKC SERENDAH	RM30,000.00
18	SJKC BUKIT TANGGA	RM65,000.00
19	SJKC YIT KHWAN	RM30,000.00
20	SJKC BAGAN PASIR	RM20,000.00
21	SJKC MING TEE	RM30,000.00
22	SJKC KHAI TEE	RM40,000.00
23	SJKC PUI CHI	RM20,000.00
24	SJKC AIK THEE	RM50,000.00
25	SJKC YUK CHIH	RM30,000.00
26	SJKC IJOK	RM30,000.00
27	SJKC CHUNG WAH	RM30,000.00
28	SJKC PUI TEH	RM20,000.00
29	SJKC LIAT CHOON (CAWANGAN)	RM30,000.00
30	SJKC LIAT CHOON (PUSAT)	RM20,000.00
31	SJKC KUNDANG	RM50,000.00
32	SJKC KUANG	RM50,000.00
33	SJKC CHAP KHUAN	RM70,000.00
34	SJKC KOTA EMERALD	RM10,000.00
35	SJKC SELAYANG BARU	RM50,000.00
36	SJKC KHEOW BIN	RM50,000.00
37	SJKC ON PONG 2	RM100,000.00
38	SJKC BATU SEMBILAN CHERAS	RM50,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
39	SJKC BATU 14 HULU LANGAT	RM40,000.00
40	SJKC SIN MING	RM50,000.00
41	SJKC KAMPUNG BARU SEMENYIH	RM50,000.00
42	SJKC SUNGAI CHUA	RM50,000.00
43	SJKC YOKE MIN	RM30,000.00
44	SJKC CONNAUGHT 2	RM100,000.00
45	SJKC BATU SEBELAS CHERAS	RM100,000.00
46	SJKC BALAKONG	RM100,000.00
47	SJKC KHENG CHEE	RM100,000.00
48	SJKC SHIN CHENG (HARCROFT)	RM100,000.00
49	SJKC YAK CHEE	RM100,000.00
50	SJKC HAN MING	RM100,000.00
51	SJKC CHEE WEN	RM50,000.00
52	SJKC LICK HUNG	RM50,000.00
53	SJKC TUN TAN CHENG LOCK	RM50,000.00
54	SJKC CHEN MOH	RM50,000.00
55	SJKC YUK CHYUN	RM40,000.00
56	SJKC SUNGAI WAY	RM50,000.00
57	SJKC YUK CHAI	RM70,000.00
58	SJKC CHUNG HWA DAMANSARA	RM30,000.00
59	SJKC DESA JAYA 2	RM30,000.00
60	SJKC PUAY CHAI 2	RM50,000.00
61	SJKC DAMANSARA	RM30,000.00
62	SJKC DESA JAYA	RM30,000.00
63	SJKC SUBANG	RM50,000.00
64	SJKC SUNGAI BULOH	RM50,000.00
65	SJKC PIN HWA 1	RM50,000.00
66	SJKC KONG HOE	RM50,000.00
67	SJKC TAMAN RASHNA	RM30,000.00
68	SJKC TIONG HUA KOK BIN	RM30,000.00
69	SJKC PIN HWA 2	RM40,000.00
70	SJKC PUI YING	RM30,000.00
71	SJKC SOO JIN	RM30,000.00
72	SJKC YING WAH	RM20,000.00
73	SJKC SIN BIN	RM40,000.00
74	SJKC HWA LIEN	RM50,000.00
75	SJKC KENG CHEE	RM60,000.00
76	SJKC WU TECK	RM50,000.00
77	SJKC LEE MIN	RM30,000.00
78	SJKC HIN HUA	RM30,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
79	SJKC TSHING NIAN	RM50,000.00
80	SJKC PANDAMARAN A	RM30,000.00
81	SJKC PANDAMARAN B	RM30,000.00
82	SJKC CHUEN MIN	RM50,000.00
83	SJKC TUN TAN SIEW SIN	RM40,000.00
84	SJKC KHE BENG	RM100,000.00
85	SJKC CHUNG HUA	RM50,000.00
86	SJKC PENG MING	RM100,000.00
87	SJKC KAH WAH	RM40,000.00
88	SJKC JENJAROM	RM50,000.00
89	SJKC CHOONG HUA	RM100,000.00
90	SJKC SIMPANG MORIB	RM30,000.00
91	SJKC TIONG NAM	RM40,000.00
92	SJKC TANJONG SEPAT	RM50,000.00
93	SJKC DENGKIL	RM30,000.00
94	SJKC SIN MING	RM50,000.00
95	SJKC TCHE MIN	RM100,000.00
96	SJKC SEPANG	RM50,000.00
97	SJKC WAH LIAN	RM100,000.00
98	SJKC CHIO CHIAO	RM30,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM4,605,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PAIP AIR LAMA DAN NRW DI SELANGOR

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status perbelanjaan tentang peruntukan penggantian paip air lama dan kerja-kerja pengurangan air tidak berhasil atau NRW di Selangor untuk tahun 2017 sehingga sekarang?

JAWAPAN:

- a) Status perbelanjaan kapital dan kemajuan kerja pengurangan NRW yang dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti berikut:
 - i) Pada tahun 2016, RM110 juta telah dianugerahkan untuk kerja-kerja penggantian paip air lama. Manakala, bagi tahun 2017, RM16 juta telah dianugerahkan bagi program penggantian paip air lama. Dalam tempoh 3 bulan akan datang, RM90 juta dijangka akan dianugerahkan.
 - ii) Kerja NRW adalah termasuk program penggantian paip air lama seperti diterangkan di atas. Lain-lain kerja NRW adalah dijalankan secara dalaman oleh Air Selangor. Jumlah perbelanjaan operasi NRW dari Januari 2017 sehingga Jun 2017 adalah sebanyak RM37.94 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : TUNGGAKAN CUKAI TANAH DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH

12. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah tunggakan hasil tanah di kesemua Pejabat Tanah dan Daerah di Selangor.
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan tunggakan ini dan bilangan tunggakan yang berjaya dikutip setiap tahun sejak tahun 2010 mengikut daerah?

JAWAPAN:

- a) Jumlah tunggakan hasil tanah di kesemua Pejabat Tanah dan Daerah di Selangor sehingga 30 Jun 2017 adalah seperti jadual di bawah:

JUMLAH TUNGGAKAN HASIL TANAH MENGIKUT DAERAH SEHINGGA 30 JUN 2017

DAERAH	TUNGGAKAN 2017		
	JUMLAH PERLU KUTIP (RM)	KUTIPAN (RM)	%
Klang	42,160,589.33	5,889,582.38	14%
Petaling	157,311,731.92	12,667,132.74	8%
Kuala Langat	4,710,285.29	1,438,377.27	31%
Kuala Selangor	6,363,268.46	1,087,984.66	17%
Sabak Bernam	828,667.22	231,466.26	28%
Hulu Langat	30,811,579.91	4,134,780.35	13%
Gombak	45,060,767.80	4,147,762.11	9%
Sepang	6,635,420.38	865,591.44	13%

Hulu Selangor	24,642,277.34	2,894,935.13	12%
JUMLAH	318,524,587.65	33,357,612.34	10%

Data Diambil Melalui Sistem e-SPHT sehingga 06 Julai 2017

- b) Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta Pejabat Tanah dan Daerah dalam mengurangkan tunggakan cukai tanah adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan pemantauan ke atas tunggakan cukai tanah melalui mesyuarat-mesyuarat seperti di bawah :

7	Mountville Construction Sdn. Bhd	0.7232 hektar (1.7872 ekar)	Bangunan Perniagaan	RM12,158,115.75
8	Prestij Permai Sdn. Bhd	1.959 hektar	Bangunan Perniagaan	RM5,689,500.00
9	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	4.126 hektar (10.19 ekar)	Bangunan Perniagaan	RM854,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua wakil syarikat pemaju yang telah hadir untuk mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri dalam 3 tahun yang lepas. Sila juga butirkan tarikh mesyuarat dan tajuk perkara yang melibatkan pemaju tersebut.

JAWAPAN:

- a) Adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri Selangor bahawa tidak dijemput wakil syarikat atau pemaju di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor (JPNS) . Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat isu-isu yang memerlukan penjelasan/pembentangan dengan syarikat/pemaju berkaitan, ianya akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (Mesyuarat Pra-JPNS) yang dipengerusikan oleh YB Dato' Iskandar bin Abdul Samad atau Pengarah PLANMalaysia@Selangor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : BAS SELANGORKU

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan bilangan penumpang bagi setiap laluan Bas Selangorku mengikut pecahan bulanan sejak perkhidmatan ini dimulakan.
- b) Berapakah bilangan bas dan kos bulanan bagi setiap laluan Bas Selangorku?

JAWAPAN:

- a) Sejak dilancarkan pada 1 Julai 2015 sehingga 30 Jun 2017, jumlah penumpang perkhidmatan Bas Smart Selangor telah mencapai sebanyak 8,831,429 penumpang. Bilangan penumpang mengikut pecahan bulanan di setiap PBT adalah seperti di **Lampiran A**.

b)

1. Bilangan Bas

Sehingga 30 Jun 2017, jumlah bas smart selangor yang beroperasi di 11 Pihak Berkuasa Tempatan adalah sebanyak 52 buah bas. Bagi tahun 2017, terdapat penambahan enam buah bas di laluan sedia ada iaitu dua buah bas di laluan Majlis Perbandaran Selayang dan empat buah bas di laluan sedia ada Majlis Perbandaran Sepang, manakala pertambahan laluan baru akan melibatkan penambahan sebanyak 40 buah bas. Jumlah bas yang akan mula beroperasi pada bulan Julai dan Ogos 2017 adalah sebanyak 46 buah.

Secara keseluruhannya, jumlah bas bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah sebanyak 98 buah.

2. Kos bulanan

Keseluruhan kos perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah merangkumi kos sewaan, *wrapping*, penyelenggaraan dan cukai barangan dan perkhidmatan. Kos sewaan sebanyak RM800.00 sebuah bas sehari adalah termasuk kos penyelenggaraan manakala urusan seperti gaji pemandu, minyak dan sebagainya adalah dibawah urusan pengoperasian syarikat operator yang telah dilantik. Mengambil contoh bagi satu laluan yang mempunyai 4 buah bas seperti di Majlis Perbandaran Ampang Jaya,

kos keseluruhan untuk tempoh sebulan (31 hari) adalah RM105,152.00 manakala laluan yang mempunyai 2 buah bas menelan belanja RM52,576.00 sebulan.

LAMPIRAN A

1. Statistik Penumpang Tahun 2015

JUMLAH PENUMPANG BAGI TAHUN 2015 (DARI 15 JULAI 2015 HINGGA 31 DISEMBER 2015)				
	MBSA	MPSJ	MPK	Jumlah Bulanan
	01	01	01	
JULAI	26,709	19,699	6,821	53,229
OGOS	42,066	30,686	13,688	86,440
SEPTEMBER	45,894	33,419	15,128	94,441
OKTOBER	52,699	35,330	16,758	104,787
NOVEMBER	57,246	38,803	17,131	113,180
DECEMBER	45,877	34,259	14,448	94,584
JUMLAH	270,491	192,196	83,974	546,661

2. Statistik Penumpang Tahun 2016

JUMLAH PENUMPANG BAGI TAHUN 2016 (DARI 1 JANUARI 2016 HINGGA 31 DISEMBER 2016)																
PBT	MBSA			MPSJ			MPK	MPAJ	MPKj	MPS	MPSp	MDKL	MDKS	MDSB	MDHS	Jumlah Bulanan
BULAN \ LALUAN	01	02	03	01	02	03										
JANUARY	49,523			37,272			14,059	40,214	36,164							177,232
FEBRUARY	47,432			39,288			13,932	39,716	47,708							188,076
MAC	52,551			44,633			15,611	42,270	59,825							214,890
APR	53,329			42,282			21,454	45,257	68,786							231,108
MEI	54,930			43,635			39,122	42,695	69,977	16,325	1,171	1,926		1,471		271,252
JUN	63,532			45,109			39,248	33,244	62,443	48,831	3,081	7,491	4,185	4,884	10,263	322,311
JULAI	62,203			44,424			34,952	38,131	73,071	69,539	5,506	10,256	6,510	6,143	11,970	362,705
OGOS	76,195			50,425			38,594	42,111	81,338	85,986	10,543	12,888	6,363	6,706	14,979	426,128
SEPT	74,688			51,239			38,608	36,172	75,589	80,820	13,419	13,845	7,747	6,865	13,654	412,646
OKT	78,560			57,739			44,194	38,043	78,320	75,218	13,956	15,710	10,845	7,367	14,536	434,488
NOV	93,064	9,113	13,981	70,106	14,149	25,839	63,230	35,270	68,512	75,101	21,593	22,394	8,828	7,032	12,901	541,113
DEC	99,324	13,846	23,774	76,963	14,429	32,609	76,906	28,369	66,591	81,058	11,355	24,782	10,605	8,789	12,305	581,705
JUMLAH	805,331	22,959	37,755	603,115	28,578	58,448	439,910	461,492	788,324	532,878	80,624	109,292	55,083	49,257	90,608	4,163,654

3. Statistik Penumpang Tahun 2017

JUMLAH PENUMPANG BAGI TAHUN 2017 (DARI 1 JANUARI 2017 HINGGA 30 JUN 2017)																
PBT	MBSA			MPSJ			MPK	MPAJ	MPKj	MPS	MPSp	MDKL	MDKS	MDSB	MDHS	Jumlah Bulanan
BULAN \ LALUAN	01	02	03	01	02	03	01	01	01	01	01	01	01	01	01	
JAN	93,746	14,918	21,865	73,220	16,652	31,328	77,976	38,238	85,275	85,462	23,255	24,794	9,535	8,133	14,215	618,612
FEB	98,068	16,769	28,899	70,026	21,706	30,842	70,227	37,477	79,347	80,345	21,089	23,165	8,397	8,097	11,389	605,843
MAC	108,778	22,367	34,161	77,877	39,015	40,659	81,392	39,634	84,257	92,343	25,563	26,629	10,995	9,290	16,769	709,729
APR	107,537	30,048	32,861	72,485	40,994	44,659	86,641	42,211	81,589	90,859	25,180	26,990	12,035	10,500	15,856	720,445
MEI	114,324	38,723	39,013	81,876	44,512	43,489	100,153	40,903	81,181	91,486	26,791	28,317	12,014	10,294	16,785	769,861
JUN	99,894	33,548	33,292	74,517	40,374	39,050	99,520	31,421	72,311	85,481	25,331	27,062	11,144	10,619	13,060	696,624
JUMLAH KESELURUHAN	622,347	156,373	190,091	450,001	203,253	230,027	515,909	229,884	483,960	525,976	147,209	156,957	64,120	56,933	88,074	4,121,114

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua ahli lembaga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor serta tempoh lantikan.
- b) Senaraikan semua ahli Lembaga Kenaikan Pangkat serta tempoh lantikan.
- c) Senaraikan semua ahli Lembaga Rayuan Tatattertib serta tempoh lantikan.

JAWAPAN:

- a) Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor sesi 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN	TEMPOH KONTRAK
1.	YBhg. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir D.S.S.A., A.M.N., S.S.A.	Pengerusi	1 Disember 2015 hingga 30 November 2017
2.	YBhg. Datuk Seri Ab Hakim bin Borhan S.M.W., D.S.I.S., A.M.N., S.S.A., A.M.S., P.P.T.	Tim. Pengerusi	1 Disember 2016 hingga 30 November 2018
3.	YBhg. Dato' Haji Mohd Sharif bin Yusof D.S.I.S., S.S.A., A.M.N.	Ahli	1 Disember 2016 hingga 30 November 2018
4.	YBhg. Dato' Haji Marzuki bin Hussin D.S.I.S., S.M.S., A.M.N., P.J.K.	Ahli	1 Disember 2016 hingga 30 November 2018
5.	YBhg. Dato' Haji Asmawi bin Kasbi D.S.I.S., S.M.S.	Ahli	1 Disember 2016 hingga 30 November 2018

BIL.	NAMA	JAWATAN	TEMPOH KONTRAK
6.	YBhg. Tuan Haji Idzahar bin Rasidi A.M.N., A.M.S., A.S.A., P.P.T.	Ahli	1 Disember 2016 hingga 30 November 2018
7.	YBhg. Dato' Haji Zulkepli bin Ahmad D.P.M.S., S.M.S., A.S.A., P.P.T.	Ahli	1 Disember 2016 hingga 30 November 2018
8.	YBhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman D.P.M.S., A.M.S., P.J.K.	Ahli	1 Disember 2016 - 30 November 2018
9.	YBhg. Dato' Haji Kamarulzaman bin Jamil D.P.M.S., A.I.S., S.I.S., P.P.T.	Ahli	1 Disember 2016 hingga 30 November 2018
10.	YBhg. Puan Zabidah binti Awang S.I.S., A.M.S.	Ahli	1 Disember 2016 hingga 30 November 2018

b) Lembaga Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor juga bertindak sebagai Lembaga Kenaikan Pangkat dan tempoh pelantikannya adalah sama seperti di perenggan a).

c) Senarai Ahli Lembaga Rayuan Tatatertib adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN
1.	YBhg. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir D.S.S.A., A.M.N., S.S.A.	Pengerusi
2.	YBhg. Datuk Seri Ab Hakim bin Borhan S.M.W., D.S.I.S., A.M.N., S.S.A., A.M.S., P.P.T.	Tim. Pengerusi
3.	YBhg. Dato' Haji Mohd Sharif bin Yusof D.S.I.S., S.S.A., A.M.N.	Ahli

BIL.	NAMA	JAWATAN
4.	YBhg. Dato' Haji Marzuki bin Hussin D.S.I.S., S.M.S., A.M.N., P.J.K.	Ahli
5.	YBhg. Dato' Haji Asmawi bin Kasbi D.S.I.S., S.M.S.	Ahli
6.	YBhg. Tuan Haji Idzahar bin Rasidi A.M.N., A.M.S., A.S.A., P.P.T.	Ahli
7.	YBhg. Dato' Haji Zulkepli bin Ahmad D.P.M.S., S.M.S., A.S.A., P.P.T.	Ahli
8.	YBhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman D.P.M.S., A.M.S., P.J.K.	Ahli
9.	YBhg. Dato' Haji Kamarulzaman bin Jamil D.P.M.S., A.I.S., S.I.S., P.P.T.	Ahli
10.	YBhg. Puan Zabidah binti Awang S.I.S., A.M.S.	Ahli

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PERBELANJAAN KOD PROJEK PK9, VOT PO1 PEJABAT MENTERI
BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan semua perbelanjaan dibawah peruntukan ini pada tahun 2016 dan 2017.

JAWAPAN:

- a) Peruntukan di bawah Pecahan Kepala (PK) perbandaran ini bertujuan untuk menampung pelaksanaan projek dan program pembangunan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor meliputi skop Kemudahan Asas, Kemudahan Awam, Pengangkutan, Pengurusan Sisa Pepejal dan Kerajaan Tempatan. Peruntukan pembangunan ini juga memberi keutamaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berstatus daerah bagi melestari pembangunan di kawasan tersebut.

Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM23,489,766.86 bagi tahun 2016 dan perbelanjaan adalah sebanyak RM23,225,076.71 bersamaan 98.8%. Manakala bagi tahun 2017, peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM81,578,000.00 dan sehingga 30 Jun 2017 sebanyak RM29,567,500.48 (36.24%) telah dibelanjakan. Penyaluran peruntukan tersebut adalah berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) yang perlu dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor bagi projek-projek yang telah diluluskan dengan mematuhi tarikh akhir serahan SST yang telah ditetapkan. Perbelanjaan terperinci bagi peruntukan di bawah PK9 Perbandaran bagi tahun 2016 dan tahun 2017 adalah seperti di Lampiran A.

SENARAI PERBELANJAAN PROJEK PERBANDARAN BAGI TAHUN 2016

KOD PROJEK	NAMA PROJEK	PENERIMA	PERBELANJAAN (RM)
09001	KEMUDAHAN ASAS PBT		
	Kerja-Kerja Memasang Box Culvert Di Jalan Sungai Buaya (Hadapan Taman Gembira) Jenjarom, Kuala Langat	MDKL	53,292.00
	Kerja-Kerja Menurap Dataran Kejut Di Kedai Pib Kg. Sungai Manggis, Banting, Kuala Langat	MDKL	19,930.00
	Cadangan Menurap Semula Dataran Kejut Dan Kejut Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Pasar Awam Sungai Jarom Dan Medan Selera Sungai Jarom, Kuala Langat	MDKL	168,881.32
	Kerja-Kerja Membaikpuli Struktur Tangki Air Di Pasar Awam Sungai Jarom, Jenjarom, Kuala Langat	MDKL	28,650.00
	Cadangan Memasang Kerb Di	MDKL	26,871.00
	Bahu Jalan Bawal, Tanjung Sepat, Kuala Langat	MDKL	24,898.00
	Kerja-Kerja Membaikpuli Bangunan Balairaya Dan Kerja- Kerja Berkaitan Di Balairaya Taman Changgang Jaya, Bukit Changgang, Kuala Langat	MDKL	68,794.00
	Cadangan Pemasangan Lampu Jalan Di Sepanjang Jalan Pramugara, Taman Langat Utama, Banting, Kuala Langat	MDKL	18,230.00
	JUMLAH		409,546.32
09002	KEMUDAHAN AWAM PBT		
	Pemasangan Sistem Penyaman Udara Di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Subang Jaya (Mpsj)	MPSJ	87,050.00
	Kerja-Kerja Membaiki Gelanggang Serbaguna Serta Kerja Berkaitan Di Taman Bayu, Permatang Daerah Kuala Selangor	MDKS	128,880.00
	Menampung Projek Pengurusan Sampah Pukul Rumah Bertingkat Serta Kutipan Sisa Pepejal Di Kg Tradisi	MPKJ	1,500,000.00
	Cadangan Membaikpuli Dan Menaiktaraf Bangunan IKS MDSB Dan Kerja Berkaitan Di Parit 16, Sg Panjang Sg Besar	MDSB	405,060.00
	Cadangan kerja-kerja mengganti bumbung Pasar Awam, pembaikan gerai kuih tepi Pasar Awam serta lain-lain kerja berkaitan di Pasar Awam Sabak Bernam	MDSB	128,436.50
	Cadangan Pelebaran Jalan JPT Selebar 66 Kaki Bagi Tujuan Pusat Pendarratan Ikan, Bagan Sekinchan, Sabak Bernam	MDSB	1,077,013.70
	Kerja-kerja menaik taraf parit tanah di Jalan Wooten, Pandamaran	MPK	78,900.00
	Cadangan pembaikan kemudahan rekreasi di kawasan permainan di Jalan B2, Taman Melawati, Ampang	MPAJ	141,000.00
	Cadangan pembaikan dan menaik taraf kemudahan pada bangunan Dewan Orang Ramai Batang Kali	MDHS	55,215.40
	Cadangan pembaikan dan menaik taraf kemudahan pada bangunan Dewan Orang Ramai Serendah	MDHS	59,920.00
	Cadangan pembaikan dan mengecat semula bangunan Dewan Dato' Abd. Hamid, Seksyen 3, Bandar Utama Batang Kali	MDHS	36,591.20
	Cadangan baik pulih dan penggantian lampu jalan awam di Jalan Perkhidmatan Bandar Sg Buaya, Serendah	MDHS	47,668.20
	Kerja-kerja membina padang bola di rezab padang Kg. Sg. Bakau, Rawang	MPS	130,130.00
	Kerja-kerja menaik taraf Dewan Taman Mesra serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya	MPKj	163,764.70
	Cadangan membaik pulih dan menaik taraf Pasar Sg. Jarom, Kuala Langat	MDKL	99,720.10
	Kutipan Sampah Kampung Tradisi dan Sampah Pukul Di Kawasan MDKL	MDKL	2,988,400.00

	Cadangan kerja-kerja menaik taraf serta kerja lain yang berkaitan di Pasar Moden Rawang	MPS	209,270.00
	Cadangan membekal dan memasang kemudahan riadah bagi Program Padang Cergas 2016 di kawasan Taman Dahlia Bandar Baru Salak Tinggi	MPSP	40,500.00
	Membina Balai Masyarakat di Taman Desa Jaya, Tanjong Karang, Kuala Selangor	MDKS	177,760.00
	JUMLAH		7,555,279.80
09003	PENGANGKUTAN		
	Program Bas Percuma		9,993,732.64
	JUMLAH		9,993,732.64
09004	PENGURUSAN SISA PEPEJAL PULAU KETAM		
	Bayaran Pengurusan Sisa Pepejal di Pulau Ketam & Sg.Lima Bulan Disember 2015	Hebat Abadi Sdn Bhd	529,000.00
	Lain-lain Program		54,000.00
	JUMLAH 09004		583,000.00
KOD PROJEK	NAMA PROJEK	PENERIMA	PERBELANJAAN (RM)
09005	KERAJAAN TEMPATAN		
	Kerja-Kerja Meroboh Dan Membina 3 Unit Gerai Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Muhibah, Bestari Jaya, Daerah Kuala Selangor	MDKS	100,000.00
	Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Tanah Sedia Ada Kepada "U Shape" Di Belakang Tapak Ibadat Persatuan Penganut Dewa Tien Ang Kong, Pekan Tanjong Karang	MDKS	19,675.00
	Pembinaan Padang Cergas Berserta Papan Tanda Bagi Projek Tahun 2016 (MDKL & MDSB)	MDKL & MDSB	312,979.60
	Pembinaan Padang Cergas Berserta Papan Tanda Bagi Projek Tahun 2016 (MDKS)	MDKS	205,000.00
	Pembinaan Padang Cergas Berserta Papan Tanda Bagi Projek Tahun 2016 (MDHS)	MDHS	75,599.20
	Projek-Projek Menaik Taraf Kemudahan OKU Tahun 2016 (MPKj)	MPKj	53,290.00
	Projek-Projek Menaik Taraf Kemudahan OKU Tahun 2016 (MDKS,MDKL,MDSB)	MDKS,MDKL & MDSB	324,410.35
	Cadangan Kerja Baikpilih Tembok Penahan Surau Kg Bukit Sg. Putih Mukim Ampang Hulu Langat	MPAJ	393,238.80
	Lain-Lain Program		3,199,325.00
	JUMLAH		4,683,517.95
	JUMLAH BELANJA TAHUN 2016		23,225,076.71

SENARAI PERBELANJAAN PROJEK PERBANDARAN BAGI TAHUN 2017

KOD PROJEK	NAMA PROJEK	PENERIMA	PERBELANJAAN (RM)
09001	KEMUDAHAN ASAS PBT		
	Bayaran bagi Projek Pembinaan Kawasan tempat letak kenderaan Surau Al Raudhah		89,213.84
	Projek Kemudahan Asas PBT	MBSA, MPS, MPAJ, MDSB, MDKL	1,977,025.34
	JUMLAH		2,066,239.18
09002	KEMUDAHAN AWAM PBT		
	Projek Kemudahan Awam PBT	MPS, MPK, MDKL	5,392,824.46
	JUMLAH		5,392,824.46
09003	PENGANGKUTAN		
	Kos penyambungan kontrak bagi laluan sedia ada untuk tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017		3,095,200.00
	Kos penyambungan kontrak bagi laluan sedia ada untuk tempoh 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017		6,190,400.00
	Laluan Baru Tahun 2017		8,773,090.00
	JUMLAH		18,058,690.00

09004	PENGURUSAN SISA PEPEJAL PULAU KETAM		
	Bayaran Kutipan Sampah Pulau Ketam Januari 2017	Hebat Abadi Sdn Bhd	98,000.00
	Bayaran Bulan Februari 2017 Tapak Pelupusan Sisa Lengai Di Pulau Ketam	Hebat Abadi Sdn Bhd	5,000.00
	Bayaran Kutipan Sampah Pulau Ketam Februari 2017	Hebat Abadi Sdn Bhd	44,000.00
	Kerja Kutipan Sampah Kampung Tradisi & Pembersihan Sampah Pukal	MDKS	1,000,000.00
	Bayaran Bulan Mac 2017 Tapak Pelupusan Sisa Lengai Di Pulau Ketam	Hebat Abadi Sdn Bhd	5,000.00
	Bayaran Kutipan Sampah Pulau Ketam Mac 2017	Hebat Abadi Sdn Bhd	44,000.00
	Bayaran Bulan April 2017 Tapak Pelupusan Sisa Lengai Di Pulau Ketam	Hebat Abadi Sdn Bhd	5,000.00
	Bayaran Kutipan Sampah Pulau Ketam April 2017	Hebat Abadi Sdn Bhd	44,000.00
	Kerja Kutipan Sampah Kampung Tradisi & Pembersihan Sampah Pukal	MDHS	1,049,000.00
		JUMLAH	2,294,000.00
09005	KERAJAAN TEMPATAN		
	Projek Naiktaraf Kemudahan OKU kepada MPK	MPK	167,666.00
	Pembayaran Kutipan Sampah Pukal	Hebat Abadi Sdn Bhd	180,504.75
	Pelaksanaan Program Kerajaan Tempatan		1,407,576.09
		JUMLAH	1,755,746.84
	JUMLAH BELANJA SEHINGGA 30 JUN 2017		29,567,500.48

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENJAJA TANPA PERMIT ATAU LESEN

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua penjaja tanpa permit atau lesen di Petaling Jaya mengikut bancian terkini. Sila senaraikan lokasi, jenis perniagaan dan waktu perniagaan.
- b) Butirkan statistik kompaun, sitaan dan tindakan mahkamah terhadap penjaja tanpa permit untuk 2 tahun yang lepas.

JAWAPAN:

- a) Senarai bancian penjaja tanpa lesen di kawasan Petaling Jaya (2016).

BIL	ZON	WAKTU MENJAJA		JUMLAH
		PAGI	PETANG	
1.	ZON 1 - PJU 8 (Damansara Perdana) - PJU 9 (Bandar Sri Damansara) - PJU 10 (Damansara Damai)	93	60	153
2.	ZON 2 - PJU 6 (Bandar Utama) - PJU 7 (Mutiara Damansara) - Kg. Sg. Kayu Ara	31	0	31
3.	ZON 3 - PJU 4 & PJU 5	60	65	125
4.	ZON 4 - PJU 1A, PJU 2 (Taman Perindustrian Jaya) - PJU 3	35	0	35
5.	ZON 5 - SS21, SS22 & SS2A	17	0	17
6.	ZON 6 - SS23, SS24 & SS26	7	0	7
7.	ZON 7 - PJU 1, SS25 & SS 4	11	1	12
8.	ZON 8 - SS 2	8	2	10
9.	ZON 9 - SEK 17A, SEK 19 & SS 20	0	0	0
10.	ZON 10 - SEK 16 & SEK 17	5	0	5

BIL	ZON	WAKTU MENJAJA		JUMLAH
		PAGI	PETANG	
11.	ZON 11 - SEK 11, SEK 12 & SEK 13	2	0	2
12.	ZON 12 - SEK 5 & SEK 10	3	0	3
13.	ZON 13 - SEK 6, SEK 7, SEK 9 & SEK 52	16	0	16
14.	ZON 14 - SEK 8, SEK 14 & SEK 51A	16	0	16
15.	ZON 15 - SEK 2, SEK 3, SEK 4, & SEK 51	15	0	15
16.	ZON 16 - SEK 1, SEK 1A, SEK 18	17	0	17
17.	ZON 17 - PJS 1 & PJS 3	72	14	86
18.	ZON 18 - PJS 2 & PJS 4	71	45	116
19.	ZON 19 - SEK 20, SEK 21, & SEK 22	8	0	8
20.	ZON 20 - SS1, SS3 & SS9A	9	0	9
21.	ZON 21 - SS5 & SS6	18	4	22
22.	ZON 22 - SS7 & SS11	1	1	2
23.	ZON 23 - SS8, SS9 & SS10	4	0	4
24.	ZON 24 - PJS5, PJS6, Sebahagian Kecil PJS7, PJS8 & PJS10	67	16	83
JUMLAH KESELURUHAN		586	208	794

- b) Statistik kompaun, sitaan dan tindakan mahkamah terhadap penjaja tanpa permit.

TAHUN	AKTIVITI PENJAJA TANPA LESEN (PTL)			
	KOMPAUN	NOTIS	SITAAN	PENDAKWAAN
2015	1731	512	1,021	5
2016	1912	368	1,392	-
JUMLAH	3643	880	2413	5

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PREMIUM TANAH ORGANISASI BUKAN KERAJAAN

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi mambantu organisasi-organisasi bukan kerajaan yang tidak mampu membayar premium tanah organisasi mereka yang tinggi.
- b) Nyatakan organisasi-organisasi bukan kerajaan yang telah mendapat pengurangan premium tanah demi pembangunan masyarakat sejak tahun 2015.
- c) Adakah Kerajaan Negeri menerima surat rayuan Persatuan Hai San, Bagan Sungai Besar kerana tidak mampu membayar premium tanah sebanyak RM554,496.00? Jika ya, nyatakan tindakan yang telah ambil.

JAWAPAN:

- a) Bagi organisasi-organisasi bukan kerajaan yang tidak melibatkan keuntungan dan untuk tujuan kebajikan semata-mata, Kerajaan Negeri mengenakan premium pada kadar nominal iaitu RM1,000.00 se-lot.
- b) Organisasi-organisasi Bukan Kerajaan yang telah mendapat manfaat pengurangan premium tanah khusus bagi tujuan pembangunan masyarakat sejak tahun 2015 adalah seperti berikut;
 - i. Persatuan Sikh Naujawan Sabha Malaysia
 - ii. Persatuan Kebajikan Tokong San Ching Kang (Rumah Warga Emas)
 - iii. Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Kajang, Selangor
 - iv. Persatuan Hospis Klang (Hospice Klang)
 - v. Persatuan Pendidikan Islam Selangor (PERPIS)
 - vi. Persatuan Kebajikan Tokong Sam Ching Kong (Rumah Warga Emas)
 - vii. Persatuan Pendidikan Islam Selangor (Sekolah Agama Hira')
 - viii. Persatuan Orang Buta Malaysia (Hospital Mata Tun Hussein Onn)
- c) Hasil daripada semakan yang telah dilakukan di peringkat Daerah dan PTGS, tiada sebarang rayuan yang diterima sehingga kini. Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam tidak menerima sebarang surat rayuan daripada Persatuan Nelayan Hai San, Bagan Sungai Besar bagi permohonan pelupusan Tanah Kerajaan secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara ke

atas PT 2135 seluas 1,306 meter persegi di Jalan 4, Bagan Sungai Besar, Pekan Sungai Besar bagi tujuan bangunan perniagaan. Untuk makluman jua, Notis 5A (iaitu Notis Hasil Tanah Harus Dibayar) bertarikh 31 Disember 2015 telah diserahkan kepada pemohon pada 7 Januari 2016 dan telah luput 6 bulan dari tarikh serahan notis tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : JALAN PERSEKUTUAN FT001

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah JKR Selangor mempunyai maklumat terkini mengenai kerja-kerja naiktaraf termasuk pelebaran jambatan di Jalan Persekutuan FT001 berdekatan Batang Kali bagi menyelesaikan masalah kesesakan jalan yang semakin serius? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Cadangan projek bagi Mengantikan dan Melebarkan Jambatan di atas Sungai Batang Kali Daerah Hulu Selangor FT 001/438/10 telah diluluskan bagi tujuan pelaksanaan oleh UPE, JPM bagi RMKe-11 RP-1 dengan kos siling sebanyak RM15.9 juta.

Walaubagaimanapun projek ini tidak dapat diteruskan atas faktor syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPS Selangor yang memberi kesan kenaikan kos siling.

Sehubungan dengan itu, satu permohonan perubahan skop asal beserta anggaran kos baru telah dimajukan oleh pihak KKR kepada pihak EPU, JPM pada Jun 2017 bagi tujuan kelulusan.

Maklumat Tambahan :-

Objektif Projek Mengantikan dan Melebarkan Jambatan di atas Sungai Batang Kali Daerah Hulu Selangor FT 001/438/10 adalah seperti berikut:

- i. Mengurangkan kesesakan Jalan Persekutuan FT001 iaitu dilokasi yang mana berlaku pada waktu puncak dan cuti perayaan.
- ii. Meningkatkan *level of service* LOS persimpangan kepada minimum level of service LOS C
- iii. Memberikan keselesaan dan menamatkan waktu pengguna
- iv. Menyelesaikan aduan awam.

Cadangan projek bagi menggantikan dan melebarkan jambatan di atas Sungai Batang Kali Daerah Hulu Selangor FT 001/438/10 telah diluluskan bagi tujuan pelaksanaan oleh UPE, JPM bagi RMKe-11 RP-1 dengan kos siling sebanyak RM15.9 juta.

Walau bagaimanapun projek ini tidak dapat diteruskan kerana pihak JPS Negeri Selangor telah menyatakan keperluan Flood Mitigation Scheme dan berikut adalah keperluan teknikal dari pihak JPS:

- i. supaya panjang Jambatan dibina sepanjang 70 meter.
- ii. Membina bunds setinggi 3 meter

Keperluan tersebut adalah berdasarkan rekod pihak JPS tahun 2009 hingga 2012, kawasan tersebut berisiko berlaku banjir.

Disebabkan oleh syarat tersebut ianya melibatkan kerja meninggikan aras jalan tuju sepanjang 1km dan peningkatan lampu isyarat berhampiran, pengalihan utiliti dan dan pengambilan balik tanah.

Setelah mengambilkira syarat JPS dan aspek teknikal yang terlibat kos terkini projek adalah sebanyak RM78 juta. Pihak Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan permohonan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi JPM pada Jun 2017 bagi tujuan kelulusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : LAPOR JALAN ROSAK MELALUI APLIKASI WAZE

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah melaksanakan sistem lapor jalan rosak melalui aplikasi Waze? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah pelaksanaan sistem ini juga melibatkan jalan JKR Negeri dan jalan JKR Persekutuan? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN:

- a) Ya, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan sistem lapor jalan rosak melalui aplikasi Waze. Berikut merupakan senarai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah menggunakan Aplikasi Waze sebagai satu saluran alternatif kepada rakyat untuk membuat pelaporan keadaan jalan berlubang di Negeri Selangor:
 - i. Majlis Bandar raya Shah Alam (MBSA)
 - ii. Majlis Bandar raya Petaling Jaya (MBPJ)
 - iii. Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)
 - iv. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
 - v. Majlis Perbandaran Klang (MPK)
 - vi. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)
 - vii. Majlis Perbandaran Selayang (MPS)
- b) Pelaksanaan sistem ini tidak melibatkan jalan JKR Negeri dan JKR Persekutuan. Pelaksanaan sistem ini telah dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Pada peringkat pertama (permulaan), sistem ini hanya melibatkan 7 Pihak Berkuasa Tempatan. Penambahbaikan dan perancangan masa hadapan akan diperluaskan dan penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan adalah dialu-alukan. Dalam pada itu, pihak SSDU serta UPEN akan mengadakan program untuk melibatkan pihak JKR di dalam inisiatif ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : JKR HULU SELANGOR

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Status terkini perancangan penyelesaian jangka pendek yang dicadangkan pada tahun 2016 untuk Jalan Negeri B54 di persimpangan Jalan Pahang - Jalan Ampang Pecah (depan Bangunan MDHS) yang menghadapi kesesakan lalulintas waktu puncak.
- b) Apakah tindakan selanjutnya JKR Hulu Selangor memandangkan kerja-kerja tebatan banjir di Jalan Negeri B113 kawasan Batang Kali tidak dapat menyelesaikan masalah banjir kilat?

JAWAPAN:

- a) Pihak JKR Hulu Selangor telah melaksanakan kerja-kerja ukur dan didapati lokasi tapak melibatkan lot tanah individu yang masih diduduki. Perkara ini memberikan kekangan dalam kerja-kerja menaiktaraf persimpangan tersebut. Walaubagaimanapun JKR Hulu Selangor telah melaksanakan tindakan segera bagi mengatasi masalah tersebut dengan melaksanakan penambahbaikan kepada operasi lampu isyarat di persimpangan tersebut. Berdasarkan pemerhatian, didapati hasil daripada penambahbaikan ini dapat mengawal kesesakan di persimpangan tersebut.
- b) JKR Hulu Selangor telah melantik pihak kontraktor untuk kerja-kerja menaiktaraf longkang pada Jun 2017 dan dijangka siap Ogos 2017.

Maklumat Tambahan

- i. Lokasi kesesakan di jalan di persimpangan yang terlibat.



**BANCIAN KENDERAAN DI PERSIMPANGAN HS12 KUALA KUBU BHARU.
(ARAH DARI AMPANG PECAH KE KUALA KUBU BHARU)**
TARIKH: 25.3.2015 MASA: 7.15PAGI - 8.00PAGI.

BIL.	BELOK KANAN.	TERUS.	BELOK KIRI.	JUMLAH.	MOTOSIKAL.
1	5	2	10	17	5
2	15	4	15	34	7
3	8	3	10	21	7
4	5	1	6	17	8
5	5	3	10	18	8
6	7	3	10	20	7
7	12	5	8	25	8
8	12	5	14	31	8
9	16	7	15	38	8
10	10	5	16	31	10
11	8	3	14	25	10
12	5	8	10	23	10
13	10	5	10	25	11
14	6	5	10	21	8
15	5	7	11	23	6
16	7	5	14	26	10
17	5	10	11	26	10
18	10	5	14	29	12
19	12	8	16	36	10
20	14	8	15	37	12

Berdasarkan bancian lalulintas di persimpangan tersebut jumlah kenderaan adalah sebanyak 37 buah pada waktu puncak (7 pagi hingga 8 pagi). Penambahbaikan tempoh masa lampu isyarat diubah untuk membolehkan 37 unit kenderaan melepasi lampu isyarat tersebut.

- ii. Pihak JPS telah melaksanakan projek bertajuk Kerja-kerja menaiktaraf kolam takungan U Sel Maju serta bandar utama Batang Kali dan telah siap pada siap 28 September 2015.

Walau bagaimanapun kapasiti kolam takungan (*downstream*) tidak dapat menampung aliran air permukaan daripada pembangunan-pembangunan baru di kawasan sekitar. Pihak JKR telah mengambil inisiatif bagi membantu mengatasi masalah ini dengan menaiktaraf longkang sepanjang 200m (*road side drain- upper stream*)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : PERKUBURAN

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah caruman Tabung Amanah Perkuburan yang dikumpulkan dan dibelanjakan mengikut daerah sejak 2008.
- b) Senaraikan tanah rizab perkuburan yang diwartakan dan belum diwartakan mengikut daerah.
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan semua tanah rizab perkuburan diwartakan sebaik sahaja dikenal pasti?

JAWAPAN:

- a) Akaun Amanah Perkuburan ditubuhkan pada tahun 1 Oktober 2001 dan diurus setia oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Selangor. Akaun Amanah ini mula diambil alih oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) pada tahun 2009 dengan merujuk kepada Arahan Amanah bertarikh 1 Mac 2009. Jumlah Terimaan Akaun Amanah Perkuburan sejak tahun 2008 sehingga 30 Jun 2017 bagi sembilan (9) buah daerah di Negeri Selangor adalah sebanyak **RM54,895,710.90**. Manakala jumlah perbelanjaan Akaun Amanah Perkuburan sejak tahun 2008 sehingga 30 Jun 2017 pula adalah sebanyak **RM45,790,129.94**.

Ringkasan caruman dan perbelanjaan Akaun Amanah Perkuburan mengikut daerah mulai tahun 2008 sehingga 30 Jun 2017 adalah seperti jadual berikut:

Bil	Daerah	Terimaan (RM)	Perbelanjaan (RM)
1	Petaling	7,635,671.75	5,640,558.90
2	Gombak	6,407,215.50	4,588,536.29
3	Klang	7,301,952.50	4,565,648.45
4	Hulu Langat	3,226,214.45	1,631,116.07
5	Sepang	15,883,033.85	20,746,017.43
6	Kuala Langat	9,703,522.50	5,422,009.11

Bil	Daerah	Terimaan (RM)	Perbelanjaan (RM)
7	Kuala Selangor	2,459,593.05	1,213,745.54
8	Hulu Selangor	1,501,405.00	1,390,372.62
9	Sabak Bernam	777,102.30	592,125.53
JUMLAH		54,895,710.90	45,790,129.94

*Sumber: Bendahari Negeri, Perbendaharaan Negeri Selangor

- b) Jumlah tanah rezab perkuburan yang telah diwartakan di negeri Selangor adalah sebanyak 294 tapak tanah dan tapak yang belum diwartakan pula adalah sebanyak 348 tapak tanah dan perincian mengikut daerah adalah seperti jadual berikut:

BIL	DAERAH	BILANGAN TAPAK PERKUBURAN YANG TELAH DIWARTAKAN	BILANGAN TAPAK PERKUBURAN YANG BELUM DIWARTAKAN
1	Petaling	10	51
2	Gombak	29	30
3	Klang	107	51
4	Hulu Langat	10	81
5	Sepang	31	24
6	Kuala Langat	9	3
7	Kuala Selangor	18	58
8	Hulu Selangor	42	32
9	Sabak Bernam	38	18
JUMLAH		294	348

Senarai tanah rezab perkuburan yang telah diwartakan mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A** dan senarai tanah rezab perkuburan yang belum diwartakan mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran B**.

- c) Bagi tapak perkuburan di Negeri Selangor, pihak Kerajaan Negeri sentiasa mengemaskini maklumat yang diterima daripada Pejabat Daerah/Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi tapak-tapak yang belum diwartakan atau tapak baru, langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

- i. Semakan akan dibuat dengan Rancangan Tempatan (RT) dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terlibat, *Zonning* dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) serta mendapatkan pengesahan tapak perkuburan dengan Pejabat Daerah (Unit Pelan Dan Teknikal) untuk mendapat pengesahan berkaitan status tanah dan lokasi tapak.
- ii. Jabatan pemohon akan mendapatkan Pelan Akui (jika ada) daripada Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi permohonan pewartaan. Walau bagaimanapun, jika tapak tersebut tidak mempunyai Pelan, kerja-kerja pengukuran Pelan Pra-Hitungan (*Pre-Comp*) perlu dibuat oleh Jurukur Tanah Berlesen yang dilantik.
- iii. Selesai proses tersebut, pihak Jabatan akan membuat Permohonan Perizaban Tanah Kerajaan Dibawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara kepada Pejabat Tanah Daerah yang terlibat berserta pelan tersebut untuk diwartakan. Tempoh masa proses pewartaan di Pejabat Tanah Daerah adalah selama enam (6) bulan hingga dua (2) tahun.
- iv. Apabila proses pewartaan ini selesai dan diluluskan, pihak Pejabat Tanah Daerah yang terlibat akan memaklumkan kepada pemohon berserta salinan warta. Di dalam salinan warta tersebut akan dinyatakan no warta, tarikh warta, no lot, keluasan, no pelan yang telah diluluskan oleh JUPEM dan kegunaan tanah.

Bagi tapak perkuburan Islam, proses permohonan pewartaan akan melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), bagi tapak perkuburan selain Islam pula, proses pewartaan tanah akan diuruskan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor.

SENARAI TANAH REZAB PERKUBURAN YANG TELAH DIWARTAKAN MENGIKUT DAERAH				
BIL	DAERAH	NAMA TAPAK	ALAMAT	NO. LOT / NO. PT
1	Petaling	Tanah Perkuburan Cina Shah Alam	Jalan Gergaji 15/4, Seksyen 15, Shah Alam	433 & 1170
2	Petaling	Islam, Cina, India & Kristian	Kompleks Perkuburan Bersepadu, Seksyen U14, Jln Setia Makmur U14/49 Setia Alam, Seksyen U14	2720
3	Petaling	Tanah Perkuburan Cina Batu 3, Taman Subang Hi-Tech	Batu 3, Taman Subang Hi-Tech, Subang Jaya	3
4	Petaling	Tanah Perkuburan Cina Batu 14, Puchong	Batu 14, Puchong	2784
5	Petaling	Tanah Perkuburan Cina Batu 14, Puchong	Batu 14, Puchong	Tiada
6	Petaling	Tanah Perkuburan Hindu Batu3, Taman Subang Hi-Tech	Batu 3, Taman Subang Hi-Tech, Subang Jaya	1
7	Petaling	Tanah Perkuburan Hindu Batu 14, Puchong	Batu 14, Puchong	7374
8	Petaling	Tanah Perkuburan Islam Merbau Sempak	Masjid Nurul Amin, Kg. Merbau Sempak, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.	2129
9	Petaling	Tanah Perkuburan Islam Bandar Baru Sg.Buloh	Bandar Baru Sg.Buloh, Seksyen U20, 47000 Sg.Buloh, Selangor Darul Ehsan	23789
10	Petaling	Tanah Perkuburan Islam Taman Medan.	Jalan Pjs 3/56, Taman Medan, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.	Plot A & Plot B
11	Klang	Tanah Perkuburan Cina Jalan Langat	Jalan Langat, Klang	218
12	Klang	Tanah Perkuburan Cina Jalan Langat	Jalan Langat, Klang	216
13	Klang	Tanah Perkuburan Cina Jalan Langat	Jalan Langat, Klang	6314
14	Klang	Tanah Perkuburan Cina Jalan Langat	Jalan Langat, Klang	6628
15	Klang	Tanah Perkuburan Cina Jalan Langat	Jalan Langat, Klang	6965 & 6966
16	Klang	Tanah Perkuburan Cina Jalan Meru	Jalan Meru, Kapar	47 & 50
17	Klang	Tanah Perkuburan Cina Batu 7, Jalan Kapar	Batu 7, Jalan Kapar, Kapar	548
18	Klang	Tanah Perkuburan Buddhist, Jalan Langat	Jalan Langat, Kapar	103
19	Klang	Tanah Perkuburan Hindu Jalan Langat	Jalan Langat, Kapar	7
20	Klang	Tanah Perkuburan Hindu Jalan Langat	Jalan Langat, Kapar	99
21	Klang	Tanah Perkuburan Hindu Jalan Langat	Jalan Langat, Kapar	100
22	Klang	Tanah Perkuburan Hindu Jalan Langat	Jalan Langat, Kapar	16
23	Klang	Tanah Perkuburan Hindu Jalan Haji Sirat	Jalan Haji Sirat, Kapar	3959

SENARAI TANAH REZAB PERKUBURAN YANG TELAH DIWARTAKAN MENGIKUT DAERAH				
BIL	DAERAH	NAMA TAPAK	ALAMAT	NO. LOT / NO. PT
24	Klang	Tanah Perkuburan Hindu Batu 7, Jalan Kapar	Batu 7, Jalan Kapar, Kapar	61
25	Klang	Tanah Perkuburan Hindu Batu 7, Jalan Kapar	Batu 7, Jalan Kapar, Kapar	61
26	Klang	Tanah Perkuburan Kristian Jalan Langat	Jalan Langat, Kapar	217
27	Klang	Tanah Perkuburan Kristian Jalan Langat	Jalan Langat, Kapar	5876
28	Klang	Tanah Perkuburan Kristian Jalan Langat	Jalan Langat, Kapar	6627
29	Klang	Tanah Perkuburan Jepun Jalan Langat	Jalan Langat, Kapar	68
30	Klang	Tanah Perkuburan Bombay Jalan Langat	Jalan Langat, Kapar	92
31	Klang	Tanah Perkuburan Kubur Hospital	Jalan Langat, Kapar	101
32	Klang	Tanah Perkuburan Kubur Hospital	Jalan Langat, Kapar	102
33	Klang	Tanah Perkuburan Kubur Hospital	Jalan Langat, Kapar	5875
34	Klang	Tanah Perkuburan Islam Lipat Kajang	Masjid Al – Karamiah, Jalan Langat, Persiaran Tengku Ampuan Rahimah, Seksyen 30, 41500 Klang, Selangor Darul Ehsan.	369
35	Klang	Tanah Perkuburan Islam, Jln Sg. Jati, Kg. Jawa	Masjid Dato' Dagang, Batu 1 ½, Jalan Bukit Jati, Kg. Jawa, 41500 Klang, Selangor Darul Ehsan.	1385 Dan 1386
36	Klang	Tanah Perkuburan Islam Tok Muda	Kg. Tok Muda, 42200 Kapar, Klang, Selangor	7140 (Lot Asal 4311)
37	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu 4	Masjid Kiayi Haji Abdullah Omar, Kampung Batu 4 ½, Jalan Kapar, 42100 Klang, Selangor Darul Ehsan.	7128
38	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu 4	Batu 4, Jalan Kapar, Kapar, Klang	660
39	Klang	Tanah Perkuburan Islam Padang Jawa	Masjid As – Solihin, Jalan Besar, Padang Jawa, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.	3456
40	Klang	Tanah Perkuburan Islam Taman Cemerlang, Kg. Kuantan	Masjid Kg. Kuantan, Batu 1, Jalan Bukit Kuda, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.	60
41	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu Belah (Bukit Raja)	Batu 1 ½, Jalan Kapar, Mukim Bukit Raja, 42100 Klang, Selangor Darul Ehsan.	1022 (Tanah Wakaf)
42	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu Belah (Bukit Raja)	Batu Belah, Jalan Kangar, Bukit Raja, Kapar	318
43	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu Belah (Bukit Raja)	Batu Belah, Jalan Kedah, Bukit Raja, Kapar	3454
44	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Johan Setia	Masjid Al – Hidayah, Kawasan Industri Hijau, Kg. Johan Setia, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan.	80444
45	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Bukit Naga	Masjid Al – Bakri, Batu 8, Kg. Bukit Naga, Kota Kemuning, 41500 Klang, Selangor Darul Ehsan.	141
46	Klang	Tanah Perkuburan Islam Pekan Meru	Masjid Al – Syarif, Batu 1 ½, Jln Kenangan Meru, Pekan Meru, 41050 Klang, Selangor	2272

LAMPIRAN A

SENARAI TANAH REZAB PERKUBURAN YANG TELAH DIWARTAKAN MENGIKUT DAERAH				
BIL	DAERAH	NAMA TAPAK	ALAMAT	NO. LOT / NO. PT
47	Klang	Tanah Perkuburan Islam Bukit Badak	Masjid Ar – Rahimin, Kg.Telok Menegun, Bukit Badak, 41500 Klang, Selangor Darul Ehsan.	0039, 0040, 0133, 16883, 6411, 4424, 6667, 6669, 67696, 67698
48	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Jalan Kebun Barat, Batu 7	Kg. Jalan Kebun Barat, Batu 7, Jalan Kebun, Seksyen 30	3652
49	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Bukit Kapar	Kg. Bukit Kapar, Jalan Kubur, Kapar, Klang	5503
50	Klang	Tanah Perkuburan Islam Seksyen 31, Kota Kemuning	No. 5, Persiaran Anggerik Tainia 31/122, Kota Kemuning Seksyen 31, 40150 Shah Alam.	131193
51	Klang	Tanah Perkuburan Islam Pulau Indah	Laguna Park, Pulau Indah, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	Pt. 125409
52	Klang	Tanah Perkuburan Islam Pekan Kapar	Masjid Al – Ansar, Pekan Kapar, 42100 Klang, Selangor Darul Ehsan.	Pt. 125409
53	Klang	Tanah Perkuburan Islam Perepat	Masjid Umariah, Batu 7 ½, Jalan Kapar, 42100 Klang, Selangor Darul Ehsan.	5602 / 61
54	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Sementa	Masjid Al-Islah, Batu 6, Kg.Sementa, Jalan Kapar, 42100 Klang, Selangor Darul Ehsan.	3894
55	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Raja Uda	Masjid Kg.Raja Uda, Jalan Melaikai Hujung, Kg.Raja Uda, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.	2506
56	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Perigi Nenas	Perigi Nenas, Pulau Indah, Klang	121120
57	Klang	Tanah Perkuburan Islam Masjid Telok Gong	Masjid Ubudiah, Telok Gong, 41050 Klang, Selangor Darul Ehsan.	13426
58	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Sg. Pinang	Masjid Ar – Rahman, Jalan Sidang, Kg.Sg.Pinang, Pulau Indah, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.	5792
59	Klang	Tanah Perkuburan Islam Sg. Kembong (Kubur Lama)	Masjid Sg.Kembong, Pulau Indah, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.	4828
60	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu 10, Jalan Kapar	Tanah Perkuburan Islam Batu 10, Jalan Kapar, Klang	31,32
61	Klang	Tanah Perkuburan Islam Simpang Lima, Jalan Langat.	Tanah Perkuburan Islam Simpang Lima, Jalan Langat, Klang.	215
62	Klang	Tanah Perkuburan Islam Seksyen 31, Kota Kemuning	Kota Kemuning, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan	131193
63	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu 11/2, Kampong Jawa	Batu 11/2, Kampong Jawa, Jalan Kota Raja, Klang	8891
64	Klang	Tanah Perkuburan Islam Bukit Engku Hassan, Kg. Kuantan	Bukit Engku Hassan, Kg. Kuantan, Kapar	45
65	Klang	Tanah Perkuburan Islam Pandamaran	Jalan 5, Pandamaran, Klang	4358
66	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu 7, Jalan Kapar	Batu 7, Jalan Kapar, Kapar, Klang	5602
67	Klang	Tanah Perkuburan Islam Jalan Reading, Meru	Jalan Ladang Rendang, Kapar, Klang	5152
68	Klang	Tanah Perkuburan Islam Makam Di Raja, Jalan Raja Jemaat	Makam Di Raja, Jalan Raja Jemaat, Klang	116
69	Klang	Tanah Perkuburan Islam Telok Nipah, P. Indah	Jalan 5, Telok Nipah, P. Indah, Klang	5534

SENARAI TANAH REZAB PERKUBURAN YANG TELAH DIWARTAKAN MENGIKUT DAERAH				
BIL	DAERAH	NAMA TAPAK	ALAMAT	NO. LOT / NO. PT
70	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Perigi Nenas	Masjid Sultan Abdul Aziz, Kg.Perigi Nenas, Pulau Indah, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan.	6654 (Lot Asal 6301)
71	Klang	Tanah Perkuburan Islam Di Alam Impian Seksyen 35	2, Jalan Tok Janggut 35/77 Alam Impian , Seksyen 35 , Shah Alam	Pt142923 170203
72	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu 10, Kebun Baru	Kg. Batu 10, Kebun Baru, Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	3634
73	Klang	Tanah Perkuburan Islam Sg. Manggis	Masjid Ar – Rahman, Mukim Tanjung 12, Sg.Manggis, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	52 Sek 2
74	Klang	Tanah Perkuburan Islam Pekan Banting	Masjid At – Taqwa, Mukim Bandar, Pekan Banting, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	1107
75	Klang	Tanah Perkuburan Islam Sg. Lang Baru	Masjid Ar – Rohmaniah, Mukim Tanjung 12, Sg.Lang Baru, 42700 Banting	3508
76	Klang	Tanah Perkuburan Islam Sg. Kelambu	Masjid Ar – Raudhah, Mukim Tanjung 12, Sg.Kelambu, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	4373
77	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Kanchong Tengah	Masjid An – Nur, Mukim Kelanang, Kanchong Tengah, 42700 Banting	1794
78	Klang	Tanah Kubur Kg. Bandar	Jalan Kg. Bandar & Makam Diraja Kg. Bandar, 42700 Banting, Kuala Langat	876, 2053
79	Klang	Tanah Perkuburan Islam Jalan Sultan Sulaiman Shah	Masjid At – Taqwa, Mukim Bandar, Pekan Banting, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	4 Sek.1
80	Klang	Tanah Perkuburan Islam Di Lot 18561 (Dihadapan Lot 8524)	Mukim Tanjung Duabelas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan	18561
81	Klang	Tanah Perkuburan Islam Ladang Sungai Sidu / Kota Seri Langat	Ladang Sungai Sedu, Kawasan Bukit Perah.	45012
82	Klang	Tanah Perkuburan Islam Sg. Buaya	Masjid Al – Istiqamah, Mukim Bandar, Sg.Buaya, 42700 Banting, Selangor	570
83	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kampung Kelanang	Kampung Kelanang	2117 (Lot Baru 4135)
84	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Ladang Gadong,	Masjid Morib, 42700 Banting, Kuala Langat, Selangor	432
85	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Tali Air	Masjid Kg Tali Air, Mukim Morib, Kuala Langat, 42700 Banting, Selangor	799
86	Klang	Tanah Perkuburan Islam Simpang Morib	Masjid Jamek Jamaiah, Mukim Batu, Morib, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	318
87	Klang	Tanah Perkuburan Islam Pekan Kelanang	Masjid Kampung Kelanang, 42700 Banting, Kuala Langat, Selangor	344
88	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Kelanang Zon A	Masjid Kampung Kelanang, 42700 Banting, Kuala Langat, Selangor	782
89	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kanchong Darat	Masjid As – Solihin, Mukim Kelanang, Kanchong Darat, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	954
90	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kanchong Darat	Kg. Kanchong Darat, Jalan Aman, 42700 Banting, Selangor	1092
91	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Tumbuk Darat	Kg Tumbuk Darat, Mukim Batu, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	337
92	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Sedu (Bukit Changgang)	Kg. Sedu, Bukit Changgang, Kuala Langat, Selangor	2105-2106

SENARAI TANAH REZAB PERKUBURAN YANG TELAH DIWARTAKAN MENGIKUT DAERAH				
BIL	DAERAH	NAMA TAPAK	ALAMAT	NO. LOT / NO. PT
93	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Batu Laut	Masjid Kg Batu Laut, Mukim Batu, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	492
94	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Morib	Masjid Jamek Jamaiah, Mukim Batu, Morib, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	175
95	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Batu Laut & Tali Air	Masjid Kg Batu Laut, Mukim Batu, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	1372
96	Klang	Tanah Perkuburan Islam Telok Panglima Garang, Jalan Pusara	Kg. Telok Panglima Garang, 42700 Banting, Kuala Langat	132
97	Klang	Tanah Perkuburan Islam Sg. Lang Tengah	Masjid Al – Ehsan, Mukim Kelanang, Sg.Lang Tengah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	1636
98	Klang	Tanah Perkuburan Islam, Kg. Jenjarom	Kg. Jenjarom, Jalan Sekolah, 42700 Banting	2200
99	Klang	Tanah Perkuburan Islam Pekan Permatang Pasir	Masjid Kg Permatang Pasir, Mukim Jugra, 42700 Banting, Kuala Langat	Lot 2 Sek. 2
100	Klang	Tanah Perkuburan Islam Permatang Pasir	Masjid Kg Permatang Pasir, Mukim Jugra, 42700 Banting, Kuala Langat	152
101	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg Seri Jugra	Masjid Jamek Seri Jugra, Mukim Jugra, 42700 Banting, Kuala Langat	662
102	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg Seri Jugra	Masjid Jamek Seri Jugra, Mukim Jugra, 42700 Banting, Kuala Langat	164
103	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Sungai Tampoi	Masjid Jamek Seri Jugra, Mukim Jugra, 42700 Banting, Kuala Langat	151
104	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg Jugra Lama	Masjid Jamek Seri Jugra, Mukim Jugra, 42700 Banting, Kuala Langat	24 Sek.1
105	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu 13, Kg Sg. Rambai	Masjid Al – Firdaus, Mukim Tanjung 12, Sg.Rambai, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	3473
106	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Kundang	Masjid Jamiul Muhsinin, Jalan Morib, Mukim Batu, Kg.Kundang, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	127(Lot 3673)
107	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg Olak Lempit	Masjid Kg Olak Lempit, 42700 Banting, Selangor	1380
108	Klang	Tanah Perkuburan Islam Bukit Changgang	Masjid As – Sabirin, Mukim Tanjung 12, Bukit Changgang, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.	2318
109	Klang	Tanah Perkuburan Islam Bukit Changgang	Kg. Bukit Changgang, Jalan Makam, 42700 Banting, Selangor	2352
110	Klang	Tanah Perkuburan Islam Kg. Sijangkang	Masjid Jamiul Ehsani, Kg.Sijangkang, 42600 Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan.	449
111	Klang	Tanah Perkuburan Islam Pekan Jenjarom	Pekan Jenjarom, Kuala Langat	947
112	Klang	Tanah Perkuburan Islam Lot 450, Telok Panglima Garang	Lot 450, Jalan Pusara, Telok Panglima Garang	450
113	Klang	Tanah Perkuburan Islam Batu 8, Sijangkang	Masjid Batu 8, Sijangkang, 42600 Banting, Selangor	448
114	Klang	Tanah Perkuburan Islam Lot 2683, Tpg		2683
115	Klang	Tanah Perkuburan Islam Lot 16 Sek. 1, Tpg		16 Sek.1

SENARAI TANAH REZAB PERKUBURAN YANG TELAH DIWARTAKAN MENGIKUT DAERAH				
BIL	DAERAH	NAMA TAPAK	ALAMAT	NO. LOT / NO. PT
116	Klang	Tanah Perkuburan Islam Lot 1918, Tanjung Dua Belas		1918
117	Klang	Makam Almarhum Sultan Abdul Samad	Jalan Permatang Pasir, Bukit Jugra, 42700 Banting	Sebhgn Lot 164(161), 661, 662 & 663
118	Gombak	Tanah Perkuburan Cina Rawang	Rawang	1573 & 1487
119	Gombak	Tanah Perkuburan Cina Selayang Bharu	Selayang Bharu, Batu Caves	577
120	Gombak	Tanah Perkuburan Hindu Batu Arang	Batu Arang, Rawang	3261
121	Gombak	Tanah Perkuburan Hindu Taman Setia Fasa 1	Taman Setia Rawang, Rawang	1580
122	Gombak	Tanah Perkuburan Kristian Rawang	Rawang	630 & 1299
123	Gombak	Tanah Perkuburan India & Cina Sungai Buloh	Sungai Buloh	2605
124	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Mukim Rawang	Mukim Rawang, 48050 Rawang, Selangor Darul Ehsan.	4792
125	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Mukim Rawang	Masjid Al Islahiah, Batu 17 3/4 Kuang, 48050 Rawang, Selangor Darul Ehsan.	2815, 2816, Dan 2817
126	Gombak	Rizab Tanah Perkuburan Islam Bandar Tasik Puteri	No. 126 Jalan 8/3, Bandar Tasik Puteri, 48020 Rawang, Selangor	1571
127	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Bukit Idaman Lagong	Bukit Lagong, Mukim Batu Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.	64398
128	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Kuala Garing	Kuala Garing, 48050 Rawang, Selangor Darul Ehsan.	201
129	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Sg. Tua Baharu	Jalan Sungai Tua, 68100 Batu. Caves	4841
130	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Taman Seri Gombak	Taman Seri Gombak, Bukit Permata Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.	646
131	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Batu 20 Kuang (Kampung Setia)	D/A Masjid Jamek Al-Hikmah Batu 20 Kuang, 48050 Rawang, Selangor	1272
132	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Sg. Pusu	Sungai Pusu, Gombak, 53100 Gombak, Selangor Darul Ehsan	8092
133	Gombak	Tanah Perkuburan Kampung Sungai Serai Lama	Kampung Sungai Serai Lama, Kuang, Selangor.	4811
134	Gombak	Tanah Perkuburan Kota Puteri	Persiaran Kota Puteri 2, Kota Puteri, Rawang Selangor Darul Ehsan	
135	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Taman Permata Lembah Keramat (Au4)	Taman Permata , Jalan Au4, Lembah Keramat, 54200 Kuala Lumpur.	10361
136	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Jalan Sungai Tua - Batang Kali (Lama)	Batu 6 Jalan Gombak, 53100 Gombak, Selangor Darul Ehsan	361
137	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Kg. Changkat (Taman Greenwood)	Kg. Changkat, Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan	380
138	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Kg. Kemensah	Kg. Kemensah, Hulu Klang, 54200 Kuala Lumpur	2345

SENARAI TANAH REZAB PERKUBURAN YANG TELAH DIWARTAKAN MENGIKUT DAERAH				
BIL	DAERAH	NAMA TAPAK	ALAMAT	NO. LOT / NO. PT
139	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Taman Keramat Permai	Jalan Enggang Timur 5, Taman Keramat Permai, 54200 Kuala Lumpur	10164
140	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Kg. Bahagia	Kg. Bahagia, Bukit Lagong, 47000 Sg. Buloh, Selangor Darul Ehsan	4449
141	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Batu 20, Jalan Sg. Choh	Batu 20, Jalan Ipoh, 48050 Rawang, Selangor	1585
142	Gombak	Tanah Perkuburan Islam (Jalan Hospital Sg. Buloh)	Jalan Hospital Sg. Buloh, Mukim Batu, 68100 Gombak, Selangor	2003, 4959, 4071, 1047 Dan 5222
143	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Kampung Pasir	Jln Hulu Klang, Kampung Pasir.	187
144	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Taman Ehsan	Taman Ehsan, Desa Jaya, 52100 Kepong, Selangor Darul Ehsan	64711
145	Gombak	Tanah Perkuburan Islam Sg. Pamah, Kg.Sg.Tua Lama (Empangan Batu)	Kampung Sungai Pamah Lama Empangan Batu, Jalan Sungai Tua-Batang Kali	2636
146	Gombak	Tapak Perkuburan Islam Ukay Perdana (Bekas Hutan Simpan)	Taman Ukay Perdana, Mukim Ulu Kelang	47070
